

---

BELANJAWAN  
**2014**  
PAKATAN RAKYAT

---





وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا  
إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ  
النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Al-Baqarah, 188:

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

[Tafsiran Ar-Rahman]

## Kandungan

<b>MEMPERTAHANKAN KEPENTINGAN RAKYAT DALAM MENGHARUNGI GELOMBANG</b>	<b>3</b>
<b>TERAS I: KONSOLIDASI KEDUDUKAN FISKAL DAN MENAMBAH KEWANGAN AWAM</b>	<b>8</b>
<i>Seksyen 1: Kecekapan Perbelanjaan dan Rasionalisasi</i>	10
<i>Seksyen 2: Contoh Pembendungan Kos dan Inisiatif Simpanan</i>	11
<i>Seksyen 3: Masanya Tidak Tepat untuk Memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)</i>	12
<i>Seksyen 4: Mekanisme Penjanaan Hasil Yang Lebih Saksama</i>	14
<i>Seksyen 5 : Mengambil Tindakan atas Laporan Ketua Audit Negara</i>	15
<b>TERAS II: MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN KUALITI HIDUP MEREKA – AGENDA MASYARAKAT PENYAYANG</b>	<b>17</b>
<i>Seksyen 1: Menangani Kos Sara Hidup yang Tinggi</i>	17
Sub-Seksyen 1.1: Harga Makanan	18
Sub-Seksyen 1.2: Harga Rumah	18
Sub-Seksyen 1.3: Kos Pendidikan	20
Sub-Seksyen 1.4: Kesihatan dan Kos Farmaseutikal.	20
Sub- Seksyen 1.5: Tarif Kemudahan Asas	21
<i>Seksyen 2: Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah Minimum kepada RM4,000</i>	21
<i>Seksyen 3: Pentakrifan Semula Garis Pendapatan Miskin dan Kajian Semula Manfaat Kebajikan untuk Golongan Miskin, Terpinggir dan Kurang Bernasib Baik</i>	22
Sub-Seksyen 3.1: Garis Pendapatan Miskin Yang Lebih Realistik	22
Sub-Seksyen 3.2: Meningkatkan Manfaat Kebajikan dan Jaringan Keselamatan Sosial	23
Sub-Seksyen 3.2.1: Penggunaan Sistem MyKasih	23
Sub-Seksyen 3.2.2: Penubuhan Skim Insurans Luar Bandar	24
Sub-Seksyen 3.2.3: Kajian Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia	25
Sub-Seksyen 3.2.4: Melebarkan Perlindungan PERKESO	25
Sub-Seksyen 3.2.5: Memperkukuhkan Manfaat bagi Golongan Kelainan Upaya	25
Sub-Seksyen 3.2.6: Memperkukuhkan Manfaat untuk Warga Emas	26
<i>Seksyen 4: Program Nasional bagi Menyediakan Rumah Mampu Milik Berkualiti dalam Kategori Kos Rendah dan Kos Sederhana</i>	26
<i>Seksyen 5: Perjuangan Menentang Jenayah</i>	27
<i>Seksyen 6: Menangani Kesusakan Trafik</i>	29
<i>Seksyen 7: Menangani Isu Keberhutangan Isi Rumah dan Kebankrapan</i>	29
<i>Seksyen 8: Melebarkan Lingkungan Cukai Pendapatan</i>	30
<b>TERAS III: MEMASTIKAN PEMBANGUNAN EKONOMI YANG LEBIH SEIMBANG, INKLUSIF DAN MAMPAN</b>	<b>32</b>
<i>Seksyen 1: Meningkatkan Saling Hubungan bagi Mengecilkan Keterpisahan Luar Bandar-Bandar dan Wilayah</i>	32
Sub-Seksyen 1.1: Lebuhraya Pan-Borneo	32
Sub- Seksyen 1.2: Akses Internet Mampu	32
<i>Seksyen 2: Meningkatkan Penyertaan Wanita dalam dan Sumbangan kepada Ekonomi</i>	33
Sub-Seksyen 2.1: Kumpulan Dana Sumbangan Wanita Malaysia	33
Sub-Seksyen 2.2 : Dasar “Mempertingkatkan Kepimpinan Wanita”	34
<i>Seksyen 3 : Semakan Semula Dasar Kabotaj untuk Sabah dan Sarawak</i>	34
<i>Seksyen 4 : Memperkukuhkan Polisi Negara bagi Utiliti, Pendidikan, Penjagaan</i>	

<i>Kesihatan, Tanah dan Alam Sekitar</i>	35
Sub-Seksyen 4.1: Meningkatkan Akses kepada Utiliti dan Pendidikan di Pedalaman Sabah dan Sarawak, dan Beberapa Bahagian di Semenanjung Malaysia	35
Sub- Seksyen 4.1.1 : Ke Arah 100% Bekalan Elektrik dan Air	35
Sub-Seksyen 4.1.2: Meningkatkan Akses kepada Pendidikan di Luar Bandar Malaysia dan di Kalangan Bumiputera Minoriti	35
Sub- Seksyen 4.2: Semakan Semula Dasar Pendidikan Kebangsaan	36
Sub-Seksyen 4.3: Pencegahan Penyakit Tidak Berjangkit	37
Sub-Seksyen 4.4: Saranan Suhakam bagi Tanah Orang Asli	38
<i>Seksyen 4.5: Dasar Alam Sekitar</i>	39
<b>TERAS IV: MEREALISASIKAN POTENSI SEBENAR MALAYSIA DAN MENINGKATKAN DAYA SAING JANGKA PANJANGNYA</b>	<b>40</b>
<i>Seksyen 1 : Menggalakkan Inovasi, Kreativiti, Mencipta Nilai dan Keusahawanan</i>	40
<i>Seksyen 2: Menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai Tulang Belakang Ekonomi</i>	41
<i>Seksyen 3: Membuka Kunci Potensi Belia - Langkah-langkah Menangani Pengangguran Belia</i>	42

## MEMPERTAHANKAN KEPENTINGAN RAKYAT DALAM MENGHARUNGI GELOMBANG

GDP, CPI & OPR	2009	2010	2011	2012	2013 PR	2014 PR
Pertumbuhan KDNK Sebenar (%)	-1.5	7.4	5.1	5.6	4.7	5.2
Pertumbuhan Purata CPI (%)	0.6	1.7	3.2	1.6	2.0 - 2.5	2.5 - 3.5
Akhir-Tahun OPR (%)	2.00	2.75	3.00	3.00	3.00	3.25

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	2010	2011	2012	2013 E	2014 PR
Hasil (RM bn)	159.653	185.419	207.913	218.309	226.724
Perbelanjaan Mengurus (RM bn)	151.633	182.594	205.537	216.931	214.584
Lebihan Semasa/Defisit (RM bn)	8.02	2.825	2.376	1.37761	12.14
Perbelanjaan Kasar Pembangunan (RM bn)	52.792	46.416	46.932	47.750	47.635
Pemulihan Hutang (RM bn)	1.496	1.082	2.606	1.024	1.251
Perbelanjaan Pembangunan Bersih (RM bn)	51.296	45.334	44.326	46.726	46.384
Jumlah Perbelanjaan (RM bn)	204.425	229.010	257.024	264.681	262.219
Defisit/Lebihan Keseluruhan (RM bn)	-43.276	-42.509	-41.950	-45.348	-34.244
Peratusan KDNK (%)	-5.4	-4.8	-4.5	-4.6	-3.2

Meskipun ketidakstabilan pasaran dan kebimbangan orang ramai meningkat mengenai kemungkinan penarikan langkah-langkah ransangan kewangan oleh bank-bank pusat utama di seluruh dunia semenjak 22 testimoni kongres oleh Pengerusi Rizab Persekutuan, Ben Bernanke pada 22 Mei 2013, yang membayangkan pengunduran berskala bagi program pembelian bulanan bon bernilai AS \$ 85 bilion dan kajian semula kadar faedah jangka pendek hampir sifar, kerancakkan pemulihan ekonomi global nampaknya telah merosot dalam beberapa bulan kebelakangan ini khususnya di kalangan ekonomi membangun walaupun ada peningkatan di kalangan ekonomi maju utama.

Ini mengakibatkan prospek pertumbuhan global yang suram pada tahun ini seperti dibuktikan baru-baru ini melalui penurunan dalam ramalan pertumbuhan KDNK global untuk tahun 2013 oleh OECD (kepada 3.1% daripada 3.4 %), IMF (kepada 2.9% daripada 3.2%) dan Bank Dunia (2.2% daripada 2.3%) berbanding 3.2% pada tahun

2012. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga organisasi multilateral ini meramalkan prospek yang lebih baik bagi ekonomi global pada tahun depan berbanding 2013 masing-masing pada kadar 4.0% (OECD), 3.6% (IMF) dan 3.0% (Bank Dunia) meskipun perbezaan dari segi rentak dan prestasi antara negara dan rantau terus kekal.

Malah, kita sekarang menyaksikan kepantasan pemulihan ekonomi yang berbeza di seluruh dunia dengan kadar pertumbuhan yang menggalakkan bagi negara-negara maju dan kehilangan momentum di kalangan negara membangun:

- pemulihan sub-par secara relatif di Amerika Syarikat (+2.5 % YoY pada 2Q2013) akibat proses konsolidasi fiskal yang masih berlangsung tetapi prospek lebih baik bagi tahun 2014, didorong oleh permintaan sektor swasta disebabkan pemulihan pasaran perumahan dan peningkatan kekayaan isirumah manakala penutupan separa kerajaan yang bermula pada 1 October 2013, yang pertama bagi Amerika Syarikat dalam tempoh 17 tahun, terbukti singkat dan tarikh akhir siling hutangnya telah dilanjutkan ke bulan February 2014, sebagaimana jangkaan ramai;
- rantau Eropah bebas secara tentatif daripada kemelesetan paling lama dalam sejarahnya memandangkan tanda-tanda pemulihan bagi beberapa negara Euro teras natijah isu hutang kerajaan dan kedudukan kewangannya sedikit stabil meskipun kesan kelembapan yang berterusan akibat langkah-langkah penjimatan dan kadar pengangguran yang tinggi kekal memberi kekangan terhadap negara periferai;
- prestasi ekonomi yang mengecewakan bagi ekonomi dunia kedua terbesar, China dalam tempoh tiga suku tahun pertama 2013 dengan pertumbuhan KDNK purata pada kadar 7.7 % YoY, dalam landasan untuk mencapai sasaran setahun penuh pada kadar 7.5%, pencapaian terburuk dalam masa 23 tahun akibat proses pengimbangan semula ekonomi ke arah model berasaskan penggunaan jauh daripada pelaburan berlebihan dan pemulihan yang masih tidak kunjung tiba bagi ekonomi ketiga terbesar di Asia, India;
- prospek yang lebih meyakinkan bagi Jepun disebabkan "Abenomics" atau pakej dasar gabungan stimulus fiskal dan kelonggaran dasar monetari mungkin terjejas akibat kenaikan besar bagi kadar Value Added Tax (VAT) kepada 8% daripada 5% bermula April 2014 serta jangkaan impak negatif ke atas ekonomi natijah pengurangan perbelanjaan cukai dan aktiviti pembinaan semula;
- tanda-tanda keletihan pelarasan dalam enjin pertumbuhan global yang lain terutamanya berpunca dari risiko genangan bagi sesetengah ekonomi maju atau yang terkepung dalam "perangkap pendapatan pertengahan" bagi beberapa ekonomi yang sedang membangun.

Melangkah ke hadapan, memandangkan ancaman daripada masalah hutang

kerajaan di Eropah dan ketidakpastian fiskal di Amerika Syarikat nampaknya semakin reda, risiko utama bagi ekonomi global dalam tempoh terdekat dan sederhana adalah:

- a) kesan-kesan sampingan daripada langkah yang mungkin diambil oleh bank-bank pusat di seluruh dunia khususnya di ekonomi maju yang menarik palam bagi skim "quantitative easing" dan lain-lain program kelonggaran monetari, satu cabaran terutamanya bagi negara-negara yang mempunyai hutang awam yang tinggi sekaligus berdepan dengan risiko kenaikan kos khidmat bayaran hutang;
- b) peranan permintaan dalam negeri sebagai sumber utama kekuatan yang semakin berkurangan bagi banyak negara membangun yang mungkin lebih terkesan akibat mana-mana pengetatan dasar monetari secara mengejut atau perubahan aliran modal asing memandangkan hutang isi rumah semakin meningkat di kebanyakan negara Asia;
- (a) c) defisit berkembar iaitu pada bajet dan akaun semasa (kerana penguncupan permintaan global bagi barangan dan perkhidmatan daripada komoditi hinggalah kepada barangan yang dikilangkan sedangkan import terus melonjak kerana permintaan dalam negeri yang teguh, didokong oleh dasar kredit mudah dan dasar fiskal longgar) ataupun sekurang-kurangnya kemerosotan defisit fiskal dan imbalan perdagangan serta yang keparahan kepada "gunung berkembar" iaitu hutang awam dan isi rumah di seluruh Asia;
- c) anjakan kepada pertumbuhan yang lebih rendah atau "normal baru" bagi ekonomi global khususnya penyerap import utama seperti China serta negara-negara Asia dan BRIC lain walaupun kita masih belum dapat memastikan sama ada ia disebabkan oleh: i) kelemahan struktur jangka pendek-sederhana kerana pelarasan pasca-krisis global 2008-2009 mengambil masa yang lebih lama daripada biasa disebabkan reformasi struktural dan kaedah pengimbangan semula ekonomi yang dilaksanakan oleh banyak negara membangun yang besar, atau ii) ia merupakan indikasi bagi suatu trend yang berterusan.

Kesan jangka panjang akibat pengetatan dasar monetari di seluruh dunia yang agresif dan pra-matang di ekonomi-ekonomi maju dan membangun boleh merencatkan proses pemulihan di negara-negara membangun lebih disebabkan oleh kenaikan kadar faedah jangka panjang dan kesannya ke atas kos modal, yang kemungkinan memasung aktiviti pelaburan dan akhirnya menurunkan pertumbuhan keseluruhan ekonomi berbanding kesan jangka pendek daripada turun naik yang melampau dalam pasaran wang asing, saham, bon dan kewangan terhadap aliran modal, kestabilan harga dan sektor kewangan.

Menurut anggaran terbaru Bank Dunia, potensi pengeluaran jangka panjang boleh



berkurangan pada kadar 7% -12% bagi ekonomi membangun tanpa langkah-langkah mengatasi yang berkesan akibat penarikan mendadak dan tergesa-gesa dalam dasar monetari yang terlalu longgar ekonomi maju. Kebelakangan ini, kita telah menyaksikan satu siri pasang surut dan jualan pasaran kerana para pelabur dalam persediaan untuk menghadapi era pasca "wang mudah" dengan menjual aset-aset yang lebih berisiko terutamanya dalam pasaran di negara membangun dan cenderung memilih aset pasaran maju yang pertaruhanannya kelihatan lebih baik dan selamat.

Selepas prestasi hambar sekadar 4.2% YoY secara purata pada separuh pertama 2013 dan berdasarkan pelbagai petunjuk ekonomi terkini, Pakatan Rakyat telah mengurangkan unjuran pertumbuhan KDNK setahun penuh bagi Malaysia pada 2013 kepada 4.7% atas premis prestasi yang lebih kukuh di sekitar 5.0%-5.5% pada separuh tahun kedua 2013 mencerminkan jangkaan pemulihan global. Sesungguhnya, ramalan rasmi pertumbuhan KDNK terkini untuk 2013 telah disemak turun kepada di antara 4.5% dan 5%, lebih selari dengan konsensus pasaran.

Walau bagaimanapun, sekiranya jangkaan pemulihan global yang lebih meluas dan muktamad tidak menjadi kenyataan, kemerosotan eksport semasa dijangka akan terus memberi tekanan ke atas aktiviti-aktiviti pembuatan Malaysia sehingga akhir tahun ini, mengheret pertumbuhan KDNK pada kadar yang lebih perlahan dan melewatkan pemulihan muktamad bagi ekonomi Malaysia ke suku tahun kedua 2014, meskipun sokongan memberangsangkan yang berterusan dari permintaan domestik khususnya perbelanjaan modal dan pengguna di sektor swasta dan awam. Buat masa ini, Pakatan Rakyat menjangkakan ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 5.2 % bagi tahun 2014.

Jangkaan pengurangan subsidi berterusan, kenaikan "cukai dosa" atau duti eksais ke atas barangan tembakau dan alkohol, dan pengenalan Goods & Services Tax (GST) sebagai antara program konsolidasi fiskal untuk mengelakkan kemungkinan penurunan taraf efektif kepada penarafan kredit berdaulat Malaysia berikutan semakan bagi "outlook" kepada negatif daripada stabil oleh Fitch Ratings pada hujung bulan Julai 2013, serta memenuhi siling hutang yang dikenakan sendiri pada 55% dan sasaran pengurangan defisit kepada 3% daripada KDNK menjelang 2015, berkemungkinan memberi tekanan ke atas inflasi pada masa hadapan. Pengurangan berterusan kepada lebihan akaun semasa Malaysia, yang mengecil kepada hanya RM2.55 billion pada suku kedua 2013 berbanding purata sukuan sebanyak RM23.93 billion di antara 2005 dan 2012, meningkatkan kemungkinan masalah berkaitan defisit berkembar bagi Malaysia dalam jangka masa yang tidak terlalu jauh.

Berdasarkan latar belakang ini, Pakatan Rakyat dengan berbesar hati ingin mengumumkan Belanjawan Alternatif 2014 dengan tema "Mempertahankan Kepentingan Rakyat Dalam Mengharungi Gelombang". Bajet Alternatif 2014 mengandungi empat teras utama iaitu:

- (a) Konsolidasi Kedudukan Fiskal Dan Menambah Kewangan Awam;
- (b) Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat Dan Kualiti Hidup Mereka – Agenda Masyarakat Penyayang;

- (c) Memastikan Pembangunan Ekonomi yang Lebih Seimbang, Inklusif dan Mampan;
- (d) Merealisasikan Potensi Sebenar Malaysia Dan Meningkatkan Daya Saing Jangka Panjangnya.

## **TERAS I: KONSOLIDASI KEDUDUKAN FISKAL DAN MENAMBAH KEWANGAN AWAM**

Pakatan Rakyat memperakui bahawa kemampuan profil kredit kerajaan Malaysia dan sejauh mana kekuatan fiskalnya dalam tempoh terdekat hingga tempoh sederhana berada di bawah tekanan yang besar memandangkan defisit belanjawan berlaku setiap tahun sejak 1998, dan jumlah hutang kerajaan persekutuan yang melonjak sejak 2009 disebabkan faktor-faktor berikut :

- (a) kepelbagaian hasil dasar (revenue base) yang terhad walaupun hanya kira-kira:
  - 1.8 juta rakyat Malaysia membayar cukai pendapatan peribadi, bersamaan dengan hanya 28% daripada jumlah keseluruhan 6.4 juta orang pembayar cukai berdaftar atau 14% daripada keseluruhan 13 juta tenaga kerja;
  - 107,043 syarikat membayar cukai pendapatan korporat daripada 508,150 syarikat membayar cukai yang berdaftar;
- (b) pergantungan berlebihan kepada minyak dan gas yang menyumbang 35%-40% daripada jumlah pendapatan;
- (c) pembaziran dan ketirisan dalam perbelanjaan kerajaan (sampel kecil boleh dilihat daripada Laporan Tahunan Ketua Audit Negara), yang dianggarkan berjumlah RM28 bilion dan RM40 bilion setahun mengikut pelbagai anggaran yang mencerminkan pelbagai sebab seperti:
  - bayaran atau harga barangan dan perkhidmatan yang berlebihan yang dibekalkan oleh pembekal berbanding harga pasaran;
  - tidak mematuhi objektif asal atau tatacara operasi standard (SOP) atau spesifikasi atau terma dan syarat;
  - penghantaran lewat dengan kos berlebihan atau projek terbengkalai akibat kekurangan pengalaman atau kepakaran kontraktor (yang dipilih kerana kronisme dan bukan berdasarkan kepakaran atau pengalaman kerja);
  - kecekapan penyampaian perkhidmatan seperti kegagalan memungut cukai atau duti; kutipan sebahagian atau jumlah denda yang tidak dikutip, kecairan dan gantirugi dan lain-lain bentuk pampasan;
  - unsur-unsur amalan rasuah seperti pemberian kontrak kepada kontraktor yang berkait politik atau kroni walaupun projek/program tersebut tidak mendatangkan manfaat tertentu untuk rakyat;
  - kelemahan pentadbiran yang lain;
- (d) bil subsidi yang semakin meningkat dan pemberian-pemberian “hadiah” kerajaan sebelum pilihanraya;

- (e) keterlaluan atau malah kerakusan berbelanja seperti yang dibuktikan oleh permintaan kerajaan persekutuan untuk perbekalan perbekalan tambahan satu atau dua kali setahun yang menjejaskan sasaran pengurangan defisit belanjawan;
- (f) lain-lain kelemahan struktural kewangan awam Malaysia;

Malah, sejak tahun 1970, Malaysia hanya terdapat lima (5) tahun berturut-turut di mana belanjawan lebih dinikmati, iaitu antara 1993 dan 1997 (yang mencatatkan lebih terbesar sebanyak RM6.6 bilion) tetapi mengalami jumlah defisit paling teruk pada tahun 2009 (-RM47.4 bilion, atau -6.7% daripada KDNK). Nisbah hutang-kepada-KDNK kerajaan persekutuan juga semakin buruk, iaitu daripada hanya 41.2% pada 2008 kepada 52.% pada 2009 dan 53.5% pada akhir tahun 2012. Dengan mengambil kira liabiliti luar-jangka (contingent liabilities) sedia ada, yang dianggarkan berjumlah RM147 bilion pada masa ini, hutang awam-kepada-KDNK dengan mudah boleh mencecah 70% menjelang akhir tahun 2013.

Berikutan amaran yang dikeluarkan oleh Fitch Ratings dan Standard & Poor pada akhir Ogos 2012 dan awal September 2012 tentang kemungkinan turunnya penarafan kredit beserta semakin prospek penarafan kredit kerajaan Malaysia daripada stabil ke negatif oleh Fitch Ratings pada akhir Julai 2013, adakah Malaysia berhadapan dengan risiko tinggi berlakunya penurunan efektif penarafan kredit kerajaan dalam tempoh terdekat hingga sederhana dan adakah isu ini merupakan salah satu daripada bahaya utama kepada keadaan makroekonomi negara?

Bajet Alternatif 2014 ini adalah usaha Pakatan Rakyat untuk memperkenalkan reformasi fiskal sebenar atau strategi fiskal yang lebih jelas dan berkaitan balas (countercyclical) untuk:

- (a) memenuhi sasaran 3% nisbah defisit belanjawan-kepada-KDNK buat pertengahan penggal - yang ditetapkan sendiri – dan mengekalkan nisbah hutang awam-kepada-KDNK di bawah siling hutang berkanun sebanyak 55%, yang telah meningkat daripada 45% pada Julai 2009 dan daripada 40% pada April 2008 untuk menampung pakej rangsangan besar-besaran sebagai respon kepada krisis dan kemelesetan kewangan global 2008/2009; dan
- (b) mencapai belanjawan kerajaan persekutuan yang seimbang iaitu belanjawan lebih dalam tempoh pertama berkuasa di peringkat persekutuan jika diberi mandat.

Reformasi fiskal Pakatan Rakyat berpaksikan sistem cukai yang lebih progresif, atau setidak-tidaknya kurang regresif, lebih mudah dan lebih bertanggungjawab dengan kemungkinan memperkenalkan pilihan cukai serta memastikan niat, prinsip dan mekanisme kejujuran fiskal direalisasikan. Jika program disiplin fiskal Pakatan Rakyat tentang cara-cara mengatasi masalah ini diikuti dengan patuh mulai 2014 dan seterusnya, Malaysia sepatutnya dapat mencapai belanjawan seimbang atau bahkan lebih kecil selewat-lewatnya pada 2018. Ini akan membantu Malaysia:

- (a) memecah kitaran ganas hutang awam yang meningkat melebihi RM500 bilion

- pada masa ini dan caj perkhidmatan hutang tahunan yang terus berkembang kira-kira RM20 bilion pada masa ini atau sekitar 10% daripada perbelanjaan operasi tahunan;
- (b) memelihara daya tahan ekonomi dalam tempoh sederhana hingga panjang dalam menghadapi suasana ekonomi dan kewangan global yang amat mencabar;
  - (c) beralih dari “model pertumbuhan melalui pinjaman” dengan aktiviti ekonomi yang diterajui oleh peningkatan kadar perbelanjaan kerajaan.

## **Seksyen 1: Kecekapan Perbelanjaan dan Rasionalisasi**

Secara ideal, Pakatan Rakyat berpandangan jurang antara operasi dan perbelanjaan kasar pembangunan daripada jumlah perbelanjaan yang berada sekitar 80:20 pada masa ini perlu dikecilkan dan diubah kepada 60:40. Untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan persekutuan khususnya perbelanjaan operasi, Pakatan Rakyat mencadangkan:

- (a) program rasionalisasi kos yang meluas di semua kementerian dan jabatan/agensi kerajaan untuk mencapai secara menyeluruh 10% potongan bagi perbelanjaan operasi tahunan dengan:
  - pembekuan sementara kenaikan gaji dan merasionalkan elaun menteri-menteri kabinet dan pegawai-pegawai kanan kerajaan persekutuan;
  - mengkaji semula dasar perbelanjaan kerajaan terutamanya mengenai perolehan seperti anugerah kontrak kerajaan melalui tender terbuka, kawalan kos yang ketat, dan lain-lain untuk mengurangkan pembaziran dan ketirisan memandangkan pembekalan dan perkhidmatan kekal sebagai komponen ke-3 terbesar bagi perbelanjaan operasi sejak 2011;
  - melaksanakan kawalan yang lebih ketat bagi bil subsidi, komponen ke-2 terbesar perbelanjaan operasi ke arah rejim subsidi yang lebih adil dan disasarkan terutamanya dengan mengkaji semula subsidi korporat yang dinikmati oleh syarikat-syarikat dan memperkenalkan mekanisme yang berkesan untuk mencegah penyeludupan barangan bersubsidi khususnya diesel, petrol, gula dan tepung dengan menggunakan cadangan sistem pembayaran tanpa tunai ePetrol Systems sebagai contoh;
- (b) mengutamakan semua jenis perbelanjaan untuk mengeluarkan simpanan seperti penangguhan, penyusutan atau penghapusan (secara sementara atau tetap) perbelanjaan modal awam yang tidak produktif dan lain-lain perbelanjaan yang tidak perlu:
  - Program Khidmat Latihan Negara - yang mempunyai kos tahunan lebih tinggi daripada bajet tahunan bagi Kementerian Belia dan Sukan, dan telah mengakibatkan 22 kematian sejak sedekad yang lalu disebabkan perancangan dan pelaksanaan yang tidak teratur - akan digantung selama sekurang-kurangnya setahun untuk membolehkan penyaluran semula

dana awam kepada keperluan yang lebih mendesak dan untuk membolehkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen menilai semula daya maju jangka panjang program tersebut dan melaporkan penemuan dalam tempoh enam bulan;

- mengetatkan kriteria kelayakan untuk menjadi penerima program pembayaran pindahan langsung terutamanya BR1M mengingatkan wujudnya jurang statistik dari Bancian Pendapatan Isi Rumah 2012 di mana 2.655 juta waris yang layak, namun angka sebenar penerima adalah seramai 4.3 juta;
- penanguhan projek-projek yang mempunyai kandungan import yang tinggi dan kesan pengganda yang rendah;

(c) pengenalan inisiatif pembendungan kos yang lain.

## **Seksyen 2: Contoh Pembendungan Kos dan Inisiatif Simpanan**

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2012, dianggarkan penjimatan kos bernilai sehingga RM6.5 bilion boleh diperolehi melalui penyingkiran program-program gagal, mengurangkan pembaziran dan menutup ketirisan RM5.7 bilion yang melibatkan kementerian dan jabatan kerajaan persekutuan manakala baki RM0.8 bilion lagi melibatkan badan-badan berkanun. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa anggaran jumlah penjimatan kos ini diperolehi hanya dengan menganalisis projek-projek dan inisiatif-inisiatif yang telah dikenal pasti Laporan Ketua Audit Negara 2012. Oleh itu, Laporan Tahunan Ketua Audit Negara ini mungkin merupakan secebis daripada bahagian besar kerana ia cuma mewakili sampel yang kecil atau memberi gambaran sepintas lalu mengenai pembaziran dan ketirisan dalam kewangan awam.

### **(a) Perolehan Pertahanan**

Selepas jatuh lebih jauh dari 'D' kepada 'E' (risiko yang sangat tinggi) pada Januari 2013, ini meletakkan Malaysia dalam kumpulan yang sama dengan negara-negara seperti China, Afghanistan, Bangladesh, Zimbabwe dalam Indeks Anti-Rasuah Pertahanan. Ini bermakna Malaysia dianggap mempunyai risiko rasuah yang sangat tinggi dalam perbelanjaan dan operasi pertahanan.

Memandangkan betapa besarnya bajet peruntukan bagi pertahanan dan keselamatan, yang bernilai RM23 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, Pakatan Rakyat mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Kira-kira Pertahanan atau jawatankuasa pengawasan parlimen yang bersifat dwipartisan, untuk menyemak perbelanjaan pertahanan. Sehingga kini, tidak ada pengawasan ke atas pembelian dan perolehan pertahanan, tidak juga di dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang menyelia semua jenis perbelanjaan lain kerajaan yang tidak diklasifikasikan sebagai rahsia rasmi.

Pakatan Rakyat menegaskan bahawa proses perolehan termasuk jawatankuasa pembuat keputusan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli parti pemerintah dan pembangkang melalui perundingan dengan kumpulan-kumpulan pakar awam untuk mengelakkan potensi amalan rasuah dan pembelian peralatan 'tidak perlu' yang tidak strategik pada bila-bila masa terutamanya jika kita mengambil kira Persefahaman Pertahanan Lima Negara (FPDA). Sebagai contoh, di bawah FPDA, prospek serangan tentera konvensional di negara kita telah berkurangan yang tidak menjadi jaminan bagi pembelian peralatan baru tertentu untuk tempoh tiga hingga lima tahun akan datang dan ini seterusnya akan menjimatkan berbilion ringgit wang rakyat. Penjimatan ini seterusnya boleh digunakan untuk pembangunan dalaman penyelidikan pertahanan dan pembangunan yang dapat membantu kita dari terlalu bergantung kepada peralatan tentera asing, satu lagi potensi penjimatan dalam jangka masa panjang.

Satu lagi potensi penjimatan adalah dengan menggunakan pakar-pakar pertahanan awam yang boleh memberi pandangan berguna dalam teknologi pertahanan dan peralatan terkini, memaksimumkan strategi taktikal dan penggunaan sumber-sumber modal. Jika kesemua ini diambil kira, Pakatan Rakyat menganggarkan hampir RM3.5 bilion dapat dijimatkan daripada perolehan pertahanan.

## **(b) Meningkatkan Kualiti dan Akauntabiliti dalam Kontrak Kerajaan**

### **(1) Sistem “Gantirugi Yang Ditetapkan” (Liquidated Ascertained Damages, LAD)**

Pakatan Rakyat akan memastikan sistem LAD menjadi amalan wajib agar pihak yang tidak menepati perjanjian sesuatu projek akan dipertanggungjawabkan atas kerugian dari segi kos dan masa projek yang terbazir. Ia akan memastikan pemaju projek-projek kerajaan akan lebih bertanggungjawab dan membuat perancangan teliti agar projek akan disiapkan dalam jangkamasa yang ditetapkan. Mereka yang didapati berprestasi rendah akan dikenakan denda yang sepatutnya dan akan disenaraihitam bagi projek-projek akan datang.

### **(2) Penilaian Kualitatif bagi Projek Kerajaan**

Pakatan Rakyat akan mewujudkan sistem Penilaian Kualitatif iaitu penilaian pencapaian yang bukan sahaja berasaskan kuantiti tetapi juga kualiti, yang akan diterapkan ke dalam Laporan Ketua Audit Tahunan. Ini agar gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh dapat diperolehi dan bukan hanya berapa kilometer jalan yang telah disiapkan, sebagai contoh, tetapi juga kualiti jalan yang telah disiapkan.

## **Seksyen 3: Masanya Tidak Tepat untuk Memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)**

Walaupun pada dasarnya GST boleh menjadi mekanisme penjana hasil yang berkesan, potensi daya pendorong untuk mempertingkatkan penyampaian

perkhidmatan kerajaan dan sistem pentadbiran cukai, dan memangkin keadilan yang lebih luas untuk semua perniagaan tanpa mengira industri/sector sambil mengekang “ekonomi gelap” dan pengelakan cukai, maka sebagai bakal kerajaan persekutuan yang prihatin, Pakatan Rakyat mengambil pendirian untuk tidak meremehkan kegusaran mereka yang menentang GST. Kami berpendapat:

- (a) GST merupakan cukai regresif di mana sebagai peratusan pendapatan, golongan berpendapatan rendah terpaksa membayar cukai lebih tinggi daripada golongan berpendapatan tinggi; maka golongan berpendapatan rendah hingga pertengahan akan menanggung beban cukai yang lebih tinggi berbanding yang kaya walaupun dengan mengambil beberapa langkah pemulihan untuk menjadikan GST lebih progresif atau setidak-tidaknya cukai yang kurang regresif;
- (b) kemungkinan penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan persekutuan sebagai jalan pintas dan jalan mudah untuk meningkatkan hasil kerana menaikkan kadar GST dilihat kurang menonjol berbanding kenaikan kadar cukai pendapatan ke tahap yang cukup membebaskan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah hingga pertengahan;
- (c) kemungkinan GST menjadi sumber utama inflasi khususnya dalam tempoh beberapa tahun pertama pengenalannya terutamanya dalam konteks Malaysia di mana sektor perniagaan boleh menyalahgunakan GST sebagai satu justifikasi untuk menaikkan harga, caj atau tarif barangan dan perkhidmatan mereka secara sewenang-wenang – ketiadaan kuasa Akta Anti-Pencatutan, Akta Persaingan atau lain-lain akta yang sepatutnya melindungi pengguna dan kekurangan penguatkuasaan amnya;
- (d) tidak tentu sama ada:
  - cukai jualan dan perkhidmatan (SST) akan dimansuhkan dan GST akan menggantikan cukai SST; dan,
  - cukai pendapatan individu dan korporat akan dikurangkan secara serentak.

Ketidaktentuan berlarutan yang menyeluruh serta kegagalan untuk menggantikan SST dan mengurangkan kadar cukai pendapatan korporat dan individu semasa pelaksanaan GST mungkin membawa kesan buruk ke atas permintaan agregat. Selain itu, pelaksanaan GST juga mungkin bermula pada tahun kemelesetan kerana “kitaran perniagaan” kelihatan semakin pendek kebelakangan ini iaitu setiap tujuh tahun dari sepuluh tahun sebelumnya. Kemelesetan yang terakhir melanda Malaysia berlaku pada 2009, maka ada kemungkinan kemelesetan ekonomi berikutnya mungkin berlaku sekitar 2016, iaitu dalam tempoh setahun GST dijangka dilaksanakan.

- (e) kegagalan untuk mematuhi pra-syarat tertentu, yang wajib dilakukan sebelum pelaksanaan GST, seperti:
  - pendapatan minimum isi rumah negara mencapai tahap yang dianggap perlu dan mencukupi untuk menyerap kejutan terhadap kuasa beli rakyat akibat pelaksanaan GST khususnya di kalangan golongan berpendapatan



- rendah hingga pertengahan;
- lingkungan cukai pendapatan individu yang cukup besar untuk mengelakkan golongan berpendapatan sederhana daripada jatuh ke dalam lingkungan cukai yang tinggi secara mendadak;
- kewujudan senarai awam terbuka bagi barangan dan perkhidmatan berkadar sifat dan dikecualikan terutamanya bagi barangan keperluan asas.

#### **Seksyen 4: Mekanisme Penjana Hasil Yang Lebih Saksama**

Pakatan Rakyat mengulangi komitmen untuk rejim cukai yang progresif dari perspektif perkongsian yang lebih adil dalam pelarasan beban fiskal, yang perlu ditanggung lebih oleh golongan kaya dan kumpulan berpendapatan tinggi. Sistem cukai semasa dilihat mengalihkan beban cukai daripada pemilik modal dan golongan berpendapatan tinggi dengan kecenderungan yang lebih tinggi untuk mendatangkan kesukaran kepada golongan berpendapatan rendah ke pertengahan, meningkatkan jurang perbezaan ekonomi dari segi pendapatan dan kekayaan antara yang kaya dan miskin. Oleh itu, dengan tidak memperkenalkan GST, Pakatan Rakyat mencadangkan inisiatif yang lain untuk mempelbagaikan asas pendapatan kerajaan persekutuan dan memperluaskan sumber pendapatan terutamanya melalui cukai tidak langsung dan hasil bukan cukai:

- (a) Mewujudkan suruhanjaya atau jawatankuasa reformasi cukai yang akan mengkaji semula mekanisme sedia ada dan mencadangkan langkah-langkah, selepas proses konsultasi dengan semua pihak berkepentingan untuk mengukuh keupayaan sistem percukaian Malaysia yang lebih mencerminkan piawaian antarabangsa dan amalan-amalan terbaik. Antara aspek-aspek yang akan dikaji termasuklah:
  - memperluas lingkungan pembayar cukai, untuk individu dan korporat serta mempertingkatkan pematuhan cukai; dan
  - Satu cukai keuntungan modal (Capital Gains Tax, CGT) seperti Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) ke atas keuntungan daripada penjualan aset kewangan seperti saham, bon dan lain-lain sekuriti walaupun kajian kemungkinan besar akan bermula dengan analisis kos faedah bagi rejim CGT ke atas untung bersih dari jual beli saham dan lain-lain perincian termasuk struktur kadar bertingkat untuk menggalakkan pelaburan jangka panjang dan mengurangkan elemen-elemen spekulatif; meletakkan ambang minima (minimum threshold) agar penglibatan runcit dalam pasaran saham serta mengkaji semula fee pembrokeran, fee penjelasan dan cukai setem;
- (b) Cukai tidak langsung berkait hartanah seperti pelarasan CKHT kepada tahap pra-2007 (rujuk Teras II);
- (c) pembetulan kadar duti setem, dari 1%-3% ke 5% untuk transaksi hartanah nilai tinggi iaitu sekurang-kurangnya RM2.5 juta dan/atau aset kewangan (jika

CGT tidak diperkenal).

Penting diingatkan bahawa pembayar cukai cuba untuk tidak membayar cukai kerana rasa tidak puas hati terhadap cara kerajaan membelanjakan wang ringgit rakyat. Dibawah pentadbiran Pakatan Rakyat, kerajaan yang ditadbir urus dengan lebih baik, lebih bertanggungjawab, dan lebih telus akan membantu meningkatkan jumlah kutipan cukai dengan lebih mudah.

## **Seksyen 5 : Mengambil Tindakan atas Laporan Ketua Audit Negara**

Walaupun Pejabat Ketua Audit Negara Persekutuan Malaysia ditubuhkan sejak Merdeka untuk menjalankan audit secara profesional, objektif dan bebas mengikut undang-undang dan meningkatkan tadbir urus yang baik dalam sektor awam termasuk kerajaan persekutuan dan negeri, pihak berkuasa serantau, badan-badan hal ehwal Islam dan perusahaan milik negeri (SOE) /syarikat berkait kerajaan (GLC) dengan sekurang-kurangnya 50% kepentingan di mana Ketua Audit Negara (AG) mempunyai kewajipan untuk melaporkan keputusan audit kepada Parlimen, namun Malaysia masih belum mengoptimumkan proses pelaporan AG manakala tindakan pembetulan audit masih agak kabur, kabur dan tidak jelas kepada rakyat Malaysia .

Pakatan Rakyat berpandangan bahawa beberapa langkah jelas boleh diambil bagi memastikan tindakan susulan kepada penemuan laporan dan pelaksanaan langkah-langkah yang disyorkan untuk menangani sebarang isu atau menutup mana-mana jurang. Salah satu mekanisme adalah memastikan bahawa terdapat tujuan yang kukuh dan dipacu oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN ) untuk masing-masing Ketua Setiausaha (KSU) pada peringkat kementerian persekutuan untuk meneliti dan menyediakan pelan tindakan bagi mengatasi ketirisan dan pembaziran.

Ini boleh dilakukan pada mesyuarat tahunan antara KSN dan KSU. Mesyuarat itu seharusnya menubuhkan satu jawatankuasa atau pasukan petugas di peringkat kementerian, yang diketuai oleh KSU masing-masing, dengan sasaran yang mesti ditetapkan untuk menghapuskan pembaziran dan ketirisan dalam perolehan. Skop jawatankuasa itu termasuk mengenal pasti dan menutup jurang dari segi mengurangkan proses berulang, meningkatkan kecekapan sistem yang hasilnya dapat menutup ruang sistemik bagi sebarang kemungkinan kebocoran.

Jabatan-jabatan kerajaan harus mengkaji semula tahap-tahap pihak berkuasa, dan menentukan semula tahap penguasaan dan tanggungjawab di pelbagai peringkat pihak berkuasa. Garis panduan atau dokumen urus tadbir yang mengawal perjalanan dan proses bagi setiap kementerian perlu dikaji semula untuk merangkumi tahap paling rendah pihak berkuasa untuk memastikan bahawa jurang tersebut ditangani dengan berkesan. Keputusan ini kemudian akan dibandingkan dengan sasaran yang

ditetapkan sebelumnya. Keputusan ini seterusnya mesti dibentangkan di Parlimen oleh menteri berkenaan yang diamanahkan untuk sasaran tersebut, bersama tanggungjawab KSU. Keputusan itu kemudian akan diumumkan kepada orang ramai untuk diteliti.

Walaupun Pakatan Rakyat mungkin mempunyai keupayaan untuk melaksanakan mekanisme yang sama di peringkat negeri, terserah kepada kerajaan persekutuan untuk memimpin melalui teladan mengingat kesangatan, kekerapan dan kelaziman pembaziran dan ketirisan di peringkat persekutuan.

## **TERAS II: MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN KUALITI HIDUP MEREKA – AGENDA MASYARAKAT PENYAYANG**

### **Seksyen 1: Menangani Kos Sara Hidup yang Tinggi**

Dalam jangka masa panjang, dasar Pakatan Rakyat untuk menangani isu kos sara hidup yang melonjak dan keupayaan orang ramai, khususnya golongan berpendapatan rendah, untuk mengatasi kenaikan kos ini bergantung kepada dua perkara, yakni:

- (a) merombak sistem pelesenan, kuota dan budaya 'rent-seeker' yang menyebabkan kos barangan dan perkhidmatan, terutamanya barangan keperluan harian dan bahan pembinaan menjadi terlalu tinggi bagi pengguna serta membenarkan pengeluar yang tidak cekap dan penjual yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan daripada kekurangan persaingan; dan,
- (b) memastikan kadar pertumbuhan gaji dan pendapatan setara bukan sahaja dengan inflasi tetapi juga memenuhi matlamat Malaysia untuk mencapai negara berpendapatan tinggi dan meningkatkan pendapatan isi rumah kepada RM 4,000 menjelang 2018.

Sebagai langkah asas dalam menangani kos sara hidup yang tinggi, Pakatan Rakyat menyeru agar penguatkuasaan Akta Anti-Persaingan dan Akta Anti-Pencatutan diperketat dan diperkukuhkan serta memeriksa semula senarai semasa pengecualian sektor dalam kedua-dua Akta tersebut. Di samping itu, Pakatan Rakyat berhasrat untuk memperkenalkan Akta Anti-Monopoli bagi menggalakkan persaingan dan meliberalisasikan industri atau sektor bukan teras yang dilindungi pada waktu ini.

Secara khusus, Pakatan Rakyat mengusulkan cadangan-cadangan berikut untuk menangani kos sara hidup yang tinggi melalui langkah-langkah pemeriksaan kenaikan harga atau kos :

- (a) bahan makanan;
- (b) rumah;
- (c) pendidikan;
- (d) penjagaan kesihatan atau produk farmasi; dan,
- (e) kemudahan asas, khususnya tenaga elektrik dan air

## **Sub-Seksyen 1.1: Harga Makanan**

Untuk menyemak kenaikan harga makanan, Pakatan Rakyat mencadangkan:

- (a) memperkenalkan rejim yang lebih liberal bagi industri beras dan gula;
- (b) melakukan pelarasan halus sistem kawalan harga untuk semua barang makanan asas;
- (c) sekatan ke atas penyelewengan dan penyeludupan subsidi bagi bahan-bahan pertanian untuk petani dan diesel untuk nelayan; dan,
- (d) meningkatkan kekekarapan penguatkuasaan Akta Anti-Pertandingan dan Pencatutan serta juga cadangan baru Akta Anti- Monopoli terutamanya semasa musim perayaan.

Sebagai sebahagian dari dasar keselamatan makanan nasional kita, Pakatan Rakyat bercadang untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan untuk pengeluar makanan asas yang terbukti cekap dan kos-berkesan, demi memperkenalkan satu skim insentif khas seperti geran sepadan.

## **Sub-Seksyen 1.2: Harga Rumah**

Pakatan Rakyat mencadangkan langkah-langkah berikut untuk mengawal harga rumah yang melonjak, iaitu dengan memantau spekulasi hartanah sekurang-kurangnya dalam jangkamasa pendek terutamanya di kawasan bandar seperti Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang bagi mengelakkan luapan pasaran perumahan dari peningkatan inflasi keseluruhan yang boleh mencetuskan pengetatan kewangan (monetary tightening) lebih awal dari yang dijangkakan:

- (a) Penyelarasan kembali Cukai Keuntungan Hartanah (CKH) ke atas untung bersih dari jualan hartanah kediaman ke tahap pra-2007 seperti berikut:
  - Rumah yang dijual dalam tempoh 2 tahun selepas pembelian: 30%
  - Rumah yang dijual antara 2 dan 3 tahun selepas pembelian: 20%
  - Rumah yang dijual antara 3 dan 4 tahun selepas pembelian: 15%
  - Rumah yang dijual antara 4 dan 5 tahun selepas pembelian: 5%
  - Rumah yang dijual lebih daripada 5 tahun selepas pembelian: 0%
- (b) Sekatan-sekatan oleh Bank Negara Malaysia ke atas jumlah yang boleh dipinjamkan institusi kewangan dalam pembiayaan gadai janji dengan menaikan syarat minimum bayaran muka bagi pembelian rumah yang baru dilancarkan atau penurunan Pinjaman-Pada-Nilai (Loan-To-Value, LTV) bagi pembiayaan gadai janji khusus untuk rumah yang baru dilancarkan (untuk mengawasi dasar penentuan harga para pemaju, sambil membiarkan pasaran bagi rumah-rumah sedia ada dengan dasar LTV yang diperkenal pada November 2010):
  - 70% LTV untuk pembelian rumah kedua yang baru dilancarkan

- 60% LTV untuk pembelian rumah ketiga yang baru dilancarkan
  - 50% LTV untuk pembelian rumah keempat yang baru dilancarkan
  - 40% LTV untuk pembelian rumah kelima yang baru dilancarkan
- (c) Sekatan-sekatan oleh Bank Negara Malaysia dalam bentuk had maksima nisbah pinjaman dan pembayaran balik bulanan hutang rumah kepada jumlah hutang dan pendapatan seseorang peminjam:
- hutang rumah tidak boleh melebihi nisbah jumlah khidmat pinjaman sebanyak 60%
  - bayaran gadai janji tidak boleh melebihi 30% daripada pendapatan kasar bulanan peminjam

Sekatan berjaga-jaga yang bersifat makro sebegini, oleh Bank Negara Malaysia, akan membantu pertumbuhan pinjaman bagi pembelian hartanah dan menurunkan risiko sistemik yang terbina dalam sistem kewangan, mengurangkan skop kenaikan kadar bagi tempoh terdekat-ke-sederhana.

- (d) Harga permulaan atau harga lantai yang lebih tinggi untuk warga asing membeli hartanah kediaman:
- RM1 juta untuk apartmen
  - RM3 juta untuk harta tanah
- (e) Memperkukuhkan penguatkuasaan kuota perumahan mampu milik bagi pemaju dan mengenakan keperluan mandatori yang perumahan mampu milik ini terletak dalam radius 5 km dari sempadan kawasan pembangunan hartanah bagi:
- memastikan projek-projek pembangunan hartanah ini terdiri daripada perumahan campuran secukupnya (kos mewah, kos sederhana dan kos rendah);
  - menghalang kemunculan kawasan-kawasan setinggan; dan,
  - meningkatkan penyediaan rumah mampu milik berkualiti berhampiran pusat bandar.

Dalam jangka masa sederhana-ke-panjang, reformasi struktural industri perumahan serta dasar pembangunan bandar yang pandang jauh ke hadapan amat diperlukan. Ini termasuk menyahgandingkan peranan pihak berkuasa perbandaran dan tempatan dari menjadi pemaju dan pengawal selia pada masa yang sama; dasar tanah khusus untuk perumahan mampu milik; pengukuhan peraturan zon tanah untuk mengelakkan tanah yang diperuntukkan untuk perumahan daripada berubah menjadi tanah pembangunan komersial; mewujudkan pangkalan data komprehensif untuk semua statistik perumahan; dan mengkaji semula tugas, tanggungjawab dan had-had yang patut dikenakan ke atas GLC untuk tujuan pembangunan hartanah.

### **Sub-Seksyen 1.3: Kos Pendidikan**

Pendidikan adalah hak untuk semua. Pakatan Rakyat melihat pendidikan sebagai aset penting kepada pembangunan negara. Oleh itu, di bawah Pakatan Rakyat, pendidikan tidak akan dijadikan komoditi untuk dijual beli. Pendidikan percuma dari pra-sekolah hingga pendidikan tinggi untuk semua rakyat akan menjadi teras utama untuk memperluas penyertaan rakyat dalam membangunkan ekonomi.

Dari segi pendidikan asas, Pakatan Rakyat mencadangkan melihat semula dasar pembiayaan sekolah-sekolah, iaitu dengan menjadikan asasnya per kapita untuk lebih mencerminkan parameter berasaskan keperluan memandangkan perspektif sedia ada cenderung kepada sekolah-sekolah yang mempunyai populasi pelajar yang lebih besar, yang biasanya terletak di kawasan bandar. Struktur pembiayaan berasaskan keperluan akan mempertimbangkan faktor-faktor seperti lokasi sekolah (bandar/luar bandar/ kurang bernasib baik), gambaran pendapatan ibu bapa dan latar belakang keluarga.

Komitmen Pakatan Rakyat adalah ke arah pendidikan percuma (seperti di dalam Manifesto Pakatan Harapan Rakyat sewaktu PRU13) adalah seperti berikut:

- (a) Peruntukan tambahan untuk memenuhi 10 peratus daripada jumlah kos di universiti awam: RM600 juta;
- (b) Elaun 'Sara Hidup' sebanyak RM5,000 setiap pelajar bagi 50,000 pelajar: RM2.5 bilion;
- (c) Yuran bagi universiti swasta (subsidi yuran dan pinjaman pelajar): RM900 juta; dan,
- (d) Penghapusan PTPTN: pengambilalihan hutang PTPTN (selepas PTPTN dimansuhkan sepenuhnya) dan bayaran hutang tersebut secara ansuran selama 20 tahun: RM 2.0 bilion.

Cadangan Pakatan Rakyat untuk menstruktur semula skim pembiayaan PTPTN turut memerlukan kajian semula kualiti dan prestasi institusi-institusi pengajian tinggi swasta sedia ada. Pakatan Rakyat juga mencadangkan satu kajian ke atas skim pembiayaan berdaya maju yang disokong kerajaan secara terus di mana institusi-institusi kewangan memberi pinjaman terus kepada pelajar di institusi pengajian tinggi swasta.

### **Sub-Seksyen 1.4: Kesihatan dan Kos Farmaseutikal.**

Untuk memastikan penyediaan penjagaan kesihatan yang mampu dimiliki orang ramai, Pakatan Rakyat bercadang untuk beransur-ansur meningkatkan penglibatan kerajaan persekutuan dalam penjagaan kesihatan melalui strategi penjualan yang membolehkan GLC meninggalkan sektor penjagaan kesihatan swasta, disamping meningkatkan kadar perbelanjaan penjagaan kesihatan awam daripada 3.3% KDNK kepada 5% KDNK, yang dengan itu memenuhi piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Penglibatan kerajaan melalui GLC dalam sektor penjagaan kesihatan swasta telah mewujudkan konflik kepentingan dengan peruntukan kerajaan bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan awam. Pada masa yang sama, Pakatan Rakyat akan memastikan Institut Jantung Negara (IJN) tidak akan diswastakan dan kekal sebagai pusat penjagaan kardiovaskular dan torasik cemerlang dengan perkhidmatan perubatan dan pembedahan bertaraf dunia yang mampu dilangani pesakit dewasa dan kanak-kanak.

Pada masa yang sama, Pakatan Rakyat juga bercadang untuk merunding semula kontrak konsesi pembekalan ubat-ubatan dan perkhidmatan untuk hospital dan klinik awam serta memendekkan tempoh konsesi kepada tujuh tahun bagi meningkatkan persaingan dan membawa faedah yang lebih baik.

### **Sub- Seksyen 1.5: Tarif Kemudahan Asas**

Pakatan Rakyat bercadang untuk mengkaji dan merunding semula semua perjanjian konsesi berat sebelah, khususnya kontrak-kontrak baru bagi pengeluar tenaga bebas (IPP), syarikat-syarikat yang terlibat dalam rawatan dan pengagihan air dan Indah Water Konsortium, syarikat pementungan nasional, untuk membolehkan penyaluran semula subsidi korporat terus kepada orang ramai. Reformasi ini hendaklah dilaksanakan dengan pragmatik agar tidak memberi kesan negatif kepada pasaran bon.

Bagi memastikan tiada lebihan bekalan kuasa dijana oleh IPP, di mana Tenaga Nasional Berhad selaku pengedar kuasa tunggal dipertanggungjawab untuk membeli tenaga tersebut, Pakatan Rakyat komited untuk menggunapakai piawaian antarabangsa serta amalan terbaik dalam industri tenaga iaitu mengekalkan margin rizab di bawah 20%. Walaupun margin rizab telah turun ke tahap 31.3% pada waktu ini, iaitu kurang dari 40% sebelum ini, margin rizab yang tinggi ini memperkaya IPP sambil membazir sumber tenaga yang amat penting ini.

### **Seksyen 2: Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah Minimum kepada RM4,000**

Pakatan Rakyat komited untuk menaikkan gaji minimum bulanan kepada RM1,100 dan berjadual untuk pelarasan berkala. Pada masa yang sama, Pakatan Rakyat akan meletakkan mekanisme bagi memastikan bahawa levi yang dikenakan ke atas pekerja asing diturunkan dengan menghapus yuran orang tengah yang dibayar majikan. Kutipan levi pekerja asing ini akan disalurkan kepada program-program peningkatan kemahiran bagi kumpulan pekerja berpendapatan rendah.

Pakatan Rakyat juga mencadangkan kajian bagi memperkenalkan skim insentif untuk syarikat-syarikat dalam industri terpilih yang menawarkan program pelatih pengurusan bagi graduan berkelulusan tinggi dengan gaji bulanan permulaan



sebanyak RM4,000.

Pada masa yang sama, untuk merapatkan jurang kemahiran, kedua-dua kemahiran kasar dan halus, Pakatan Rakyat mencadangkan pengukuhan khidmat nasihat kerjaya di universiti dan institusi pengajian tinggi, program latihan yang berkesan sebagai sebahagian daripada kurikulum yang diwajibkan di semua fakulti di universiti awam dan menjadikan Bahasa Inggeris wajib lulus untuk SPM.

### **Seksyen 3: Pentakrifan Semula Garis Pendapatan Miskin dan Kajian Semula Manfaat Kebajikan untuk Golongan Miskin, Terpinggir dan Kurang Bernasib Baik**

#### **Sub-Seksyen 3.1: Garis Pendapatan Miskin Yang Lebih Realistik**

<b>PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN (PGK) (RM)</b>			
	<b>Jumlah</b>	<b>Bandar</b>	<b>Luar Bandar</b>
<b>Semenanjung Malaysia</b>	830	840	790
<b>Sabah</b>	1,090	1,080	1,120
<b>Sarawak</b>	920	960	870

Sumber: Bancian Pendapatan Isi Rumah Malaysia (HIS) 2012

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bulanan terkini yang digunakan oleh kerajaan Barisan Nasional adalah RM830 bagi isirumah di Semenanjung Malaysia, RM1,090 di Sabah dan Labuan dan RM920 di Sarawak. Pakatan Rakyat berpendapat bahawa PGK ini terlalu rendah dan tidak realistik maka perlu disemak semula agar lebih mencerminkan kedudukan sebenar masyarakat dan dapat menjamin kesejahteraan majoriti rakyat yang ditakrifkan sebagai miskin. Oleh itu, Pakatan Rakyat mencadangkan ukuran barangan dan perkhidmatan yang digunakan untuk mengira PGK merangkumi bukan sahaja sewa yang dikenakan tetapi juga kos pembelian rumah. Di samping itu, PGK bandar perlu diperhalusi untuk membezakan kos sara hidup di bandar-bandar yang berbeza.

Mengikut Laporan Penyiasatan Pendapatan Isirumah (HIS) 2012, meskipun pendapatan isirumah bulanan purata di Malaysia adalah RM5,000, separuh isirumah

Malaysia berpendapatan bulanan di bawah RM3,626. Lebih kurang 60% daripada kesemua isirumah bandar mempunyai pendapatan bulanan di bawah RM4,999, tidak mencukupi untuk menampung kos kehidupan di kawasan bandar. Inilah gambaran sebenar realiti kehidupan majoriti rakyat Malaysia dengan ahli keluarga seramai 3 hingga 5 orang yang terpaksa hidup kais pagi makan pagi menanggung beban kos sara hidup yang semakin meningkat di samping pelbagai tekanan kehidupan lain.

Justeru, Pakatan Rakyat mencadangkan agar PGK bulanan dikaji semula dan ditetapkan pada paras tidak jauh daripada RM1,500 bagi Semenanjung Malaysia, RM1,800 bagi Sabah dan Labuan dan RM1,650 bagi Sarawak supaya lebih banyak lagi isirumah yang layak menerima bantuan kebajikan kerajaan.

### **Sub-Seksyen 3.2: Meningkatkan Manfaat Kebajikan dan Jaringan Keselamatan Sosial**

Pada masa ini, terdapat pelbagai agensi yang menyediakan pembayaran dan manfaat kebajikan sosial kepada golongan miskin dan kurang bernasib baik. Pakatan Rakyat mencadangkan pelbagai pembayaran kebajikan sosial ini diselaraskan dan diseragamkan di bawah satu sistem faedah sosial untuk memudahkan pengedaran dan pemantauan disasarkan, sebagai tambahan kepada kerja-kerja yang berterusan untuk mewujudkan pangkalan data kebajikan yang menyeluruh (walaupun e-Kasih adalah luas, ia tidak boleh dipertingkatkan).

#### **Sub-Seksyen 3.2.1: Penggunaan Sistem MyKasih**

Lebih daripada 8% rakyat Malaysia hidup di bawah garis pendapatan kemiskinan yang tidak menepati realiti kesusahan semasa dengan ribuan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan. Amalan biasa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah menyediakan wang tunai terus ke dalam akaun penerima yang membawa kepada masalah kelewatan yang berterusan dalam pemindahan dan ketidakupayaan untuk menentukan dengan tepat sama ada hasil yang diingini tadi dapat dipenuhi.

Walaupun bantuan kewangan diagihkan, keperluan pemakanan tidak dipenuhi, piawaian kesihatan tersasar, pendidikan kanak-kanak merosot, yang seterusnya boleh membawa kepada prospek pekerjaan yang lemah. Kitaran kesusahan dan kemiskinan berterusan tanpa henti, yang menjurus kepada keperluan untuk satu mekanisme baru yang jauh lebih berkesan bagi menangani kumpulan sasaran dan dapat memantau penerima untuk akhirnya keluar dari kitaran kemiskinan.

Sebagai salah satu langkah untuk memastikan rejim subsidi yang lebih adil dan mengena pada kumpulan sasarannya, serta sistem kebajikan yang lebih menyeluruh, Pakatan Rakyat bercadang menggantikan sistem JKM sedia ada dengan satu sistem pembayaran tanpa tunai yang membolehkan penerima yang layak memilih barangan mengikut apa yang mereka perlukan tanpa menggunakan wang tunai. Penerima

boleh menggunakan MyKad mereka sebagai alat pembayaran di kedai-kedai runcit tempatan yang ditetapkan. Kredit yang terkandung dalam MyKad penerima digunakan untuk membeli barangan keperluan seperti beras, tepung, gula, dan lain-lain. MyKad juga digunakan untuk mengesakan perbelanjaan yang dibuat oleh penerima dan boleh digabungkan dengan program kementerian lain seperti memastikan anak-anak pergi ke sekolah dan kelas tambahan untuk ibu tunggal, umpamanya.

### **Sub-Seksyen 3.2.2: Penubuhan Skim Insurans Luar Bandar**

Pakatan Rakyat juga mencadangkan diwujudkan Skim Insurans Luar Bandar atau secara lebih khusus, Skim Insurans Petani, Nelayan dan Penternak (SIPNP) yang lebih komprehensif supaya golongan ini boleh menangani impak ketidakpastian cuaca, perubahan musim dan kejadian di luar jangka yang lain ke atas sumber pendapatan dan kelestarian hidup supaya mereka tidak terjerumus ke dalam kancah kemiskinan.

Misalnya, di bawah Skim Insurans Nelayan yang sedia ada, pampasan untuk nelayan yang meninggal dunia dan elaun masuk wad hospital disediakan. Namun, skim ini mengetepikan risiko lain yang mungkin dihadapi kaum nelayan seperti hasil tangkapan berkurangan ketika musim tengkujuh melanda, seterusnya akan menyumbang kepada kemudaratan kesihatan dan keselamatan nelayan terjejas. Perubahan musim turut menyebabkan hasil pertanian dari aktiviti menoreh getah atau bekebun terjejas. Kejadian di luar jangka seperti serangan wabak penyakit ke atas tumbuhan dan haiwan ternakan juga akan menjejaskan pendapatan golongan ini.

Pakatan Rakyat mencadangkan SIPNP ini diwujudkan berdasarkan 'pendekatan kawasan' bagi kerugian yang disebabkan oleh perubahan musim serta 'pendekatan individu' bagi kerugian yang disebabkan oleh bencana alam dan serangan wabak penyakit.

Adalah dianggarkan bahawa kerajaan pusat hanya perlu membelanjakan sebanyak RM365.5 juta setahun untuk melaksanakan skim ini berdasarkan beberapa andaian berikut:

- (a) premium tahunan keseluruhan adalah RM1,000 yang akan dikongsi secara samarata di antara petani/penternak/nelayan (RM500) dengan kerajaan (RM500); dan,
- (b) lebih kurang 50% daripada bilangan keseluruhan petani, penternak dan nelayan atau seramai 735,000 orang akan menyertai skim ini dalam masa setahun.

### **Sub-Seksyen 3.2.3: Kajian Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia**

Pakatan Rakyat prihatin dengan nasib rakyat Malaysia dari golongan buruh atau mereka yang bekerja sendiri tanpa pendapatan tetap termasuklah pekerja kolar biru atau mereka yang terlibat di dalam kategori pekerjaan tidak formal seperti petani, nelayan, pemandu teksi, peniaga kecil, penjaja, pekerja rencam, suri rumah dan sebagainya yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM1,500 iaitu di bawah PGK baharu yang Pakatan Rakyat cadangkan.

Sebagai langkah permulaan, keberkesanan Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia di bawah pengurusan KWSP untuk memastikan wujudnya simpanan di hari tua bagi golongan kelas pekerja dan mereka tanpa pendapatan tetap dengan mencarum secara sukarela mengikut kemampuan akan dikaji semula.

Namun, sumbangan kerajaan pada kadar 5% daripada jumlah caruman tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM60 setahun bermula tahun 2010 sehingga 2014 adalah bersifat jangka pendek dan tidak dapat menjamin kelestarian hidup golongan ini sekiranya mereka hilang punca pendapatan apatah lagi untuk menangani kemiskinan dan masalah kesempitan hidup yang lain apabila mencapai umur persaraan.

Pakatan Rakyat dengan ini mencadangkan agar sumbangan kerajaan ditingkatkan kepada 15% setahun daripada jumlah caruman setahun sebagai satu dasar tetap sebagai insentif supaya mereka terus mencarum untuk menikmati pelbagai faedah selain daripada pencen seperti pengeluaran untuk perbelanjaan kesihatan, pendidikan dan perumahan serta membantu mereka keluar daripada belunggu kemiskinan dalam jangka masa panjang.

### **Sub-Seksyen 3.2.4: Melebarkan Perlindungan PERKESO**

Pada masa ini, terdapat sangat sedikit skim insurans alternatif bagi pekerja-pekerja berpendapatan rendah tanpa satu sistem baik yang merangkumi risiko di kalangan semua pekerja manakala PERKESO pula hanya melindungi kemalangan yang berlaku semasa pekerja berulang-alik untuk bekerja dan pada waktu bekerja. Oleh itu, Pakatan Rakyat mencadangkan sumbangan tiga pihak dimasukkan ke dalam perlindungan insurans 24 jam terutamanya bagi kemalangan yang berlaku di luar waktu bekerja dengan kerajaan persekutuan menyumbang RM1 sebulan, begitu juga dengan majikan dan setiap pekerja menyumbang tambahan RM1 sebulan.

### **Sub-Seksyen 3.2.5: Memperkukuhkan Manfaat bagi Golongan Kelainan Upaya**

Jika diekstrapolasi statistik Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di mana 10% dari populasi dunia terdiri daripada golongan kurang upaya, maka Malaysia dianggarkan mempunyai 2.8 juta Orang Kurang Upaya (OKU). Namun, bilangan OKU

yang berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah hanya 313,685 orang pada tahun 2010, iaitu lebih kurang 11.2% daripada jumlah anggaran keseluruhan. Justeru, Pakatan Rakyat menyasarkan seramai 400,000 OKU didaftarkan setahun bermula tahun 2014 agar bilangan OKU berdaftar melebihi 80% dalam tempoh lima tahun supaya pelbagai keperluan mereka boleh dipenuhi.

Bagi menguatkuasakan Akta OKU 2008 yang berlandaskan konsep *rights-based* (hak asasi), Pakatan Rakyat akan terus memberi penekanan terhadap usaha mempertingkatkan aksesibiliti OKU kepada kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan pengangkutan awam, antaranya menetapkan bilangan tempat letak kereta OKU berdasarkan piawaian PBB iaitu 1 tempat letak kereta OKU kepada 50 tempat letak kereta biasa, dengan saiz dan lokasi parkir yang bersesuaian dan memperbaiki permukaan jalan raya supaya bas tanpa tingkat (*non-step bus*) dapat dimanfaatkan oleh golongan OKU sepenuhnya. Pakatan Rakyat juga akan menyediakan peruntukan sebanyak RM500 juta setahun bagi:

- (a) membolehkan elaun sara hidup dinaikkan daripada RM300 kepada RM500 sebulan bagi OKU yang bekerja dengan pendapatan bulanan bawah RM1,200; dan,
- (b) menyediakan peruntukan khas bagi “orang dengan ketidakupayaan teruk” dengan maksimum RM1,000 sebulan.

### **Sub-Seksyen 3.2.6: Memperkukuhkan Manfaat untuk Warga Emas**

Berdasarkan definisi, status negara tua tercapai apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mewakili 15% daripada keseluruhan penduduk. Justeru, Malaysia dianggarkan akan mencapai status negara tua menjelang tahun 2030 kerana menurut unjuran Dasar Warga Emas Nasional, nisbah warga emas kepada populasi Malaysia akan naik sekali ganda daripada 7% kepada 14% dalam masa 28 tahun.

Salah satu fokus utama sebagai persediaan penuaan penduduk adalah dari segi kesihatan dan kebajikan. Pakatan Rakyat berpendapat lebih ramai pakar geriatrik perlu dilatih sebagai persediaan menghadapi proses penuaan penduduk demi meningkatkan bilangan mereka kepada sekurang-kurangnya 1,000 orang menjelang 2030 daripada lebih kurang hanya 16 orang hari ini.

## **Seksyen 4: Program Nasional bagi Menyediakan Rumah Mampu Milik Berkualiti dalam Kategori Kos Rendah dan Kos Sederhana**

Hari ini, terdapat persaingan untuk ruang tanah yang terhad antara perumahan mampu milik, perumahan kos sederhana dan perumahan mewah. Pakatan Rakyat berpandangan bahawa perumahan adalah hak asasi setiap insan dan komited untuk memastikan rakyat Malaysia mampu memiliki rumah dan tempat tinggal yang selesa. Justeru, tanggungjawab untuk menyediakan perumahan mampu milik wajar diselaraskan di bawah tanggungjawab negara terlebih dahulu sebelum diserahkan

kepada pihak pemaju swasta. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Manifesto Pakatan Rakyat bagi PRU13, Pakatan Rakyat beriltizam untuk melabur sebanyak RM5 billion pada tahun pertama dan RM2 billion pada tahun seterusnya bagi memastikan rakyat Malaysia mampu untuk memiliki rumah sendiri.

Sebanyak RM5 billion akan diperuntukkan untuk menyediakan 150,000 unit rumah mampu milik meliputi unit perumahan kos rendah (harga di bawah RM75,000) dan perumahan kos sederhana (harga di antara RM150,000 dan RM250,000).

Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan diberikan tanggungjawab untuk memastikan perumahan yang selesa dapat dibina dengan kos yang berpatutan. Pakatan Rakyat berpendapat bahawa penekanan harus diberikan kepada projek pembangunan lestari yang bersesuaian dengan setiap kumpulan pendapatan. Pembangunan projek perumahan wajar diintegrasikan dengan polisi pambandaran serta pembangunan pusat industri dan komersial. Sebagai galakan untuk membina lebih banyak unit perumahan mampu milik, Pakatan Rakyat bercadang untuk menawarkan insentif kepada pemaju perumahan seperti potongan cukai, premium tanah yang lebih rendah bersesuaian dengan kuota unit perumahan mampu milik seperti yang dicadangkan dan sebagainya.

Selaras dengan cadangan untuk membangunkan lebih banyak unit perumahan kos rendah dan sederhana sebanyak 150,000 unit, Pakatan Rakyat bercadang untuk menubuhkan Perbadanan Perumahan Negara (PPN). PPN bertanggungjawab untuk menyelia projek perumahan mampu milik berskala besar dan mempunyai mandat yang lebih besar untuk mengelola perkembangan di bawah agensi-agensi milik kerajaan persekutuan yang terlibat secara langsung di dalam merangka projek-projek perumahan awam. PPN bakal menjadi agen utama untuk merangka, menyelaras, mengawal dan membangunkan kawasan perumahan mampu-milik. PPN akan bertanggungjawab untuk membina rumah untuk dijual pada harga yang berpatutan bagi golongan sasaran sebagai mengimbangi harga pasaran yang ditetapkan oleh pemaju-pemaju swasta.

## **Seksyen 5: Perjuangan Menentang Jenayah**

Kepolisian adalah satu perkhidmatan penting yang disediakan oleh pihak eksekutif untuk memelihara undang-undang dan ketenteraman, dan menggalakkan keselamatan awam dan kesejahteraan. Penurunan keyakinan terhadap keupayaan dan integriti pihak polis mencerminkan kekecewaan yang meluas terhadap kerajaan. Dakwaan pergantungan terhadap kuasa darurat dan penahanan tanpa perbicaraan untuk memenuhi peranan memerangi jenayah secara teratur adalah tanda krisis kecekapan terhadap pihak polis dan kegagalan mencapai kepolisian yang menghormati hak-hak asasi manusia.

Disebabkan kekurangan pelaksanaan oleh kerajaan, Pakatan Rakyat mengulang cadangan dalam Belanjawan 2013 kami, yang secara amnya menyarankan syor-syor

Laporan Suruhanjaya Diraja bagi Penambahbaikan Operasi dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia atau Laporan Dzaidin, iaitu:

- (a) Memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan sumber manusia, perlindungan, dan penyampaian perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan mengoptimumkan fungsi 'teras' di atas fungsi 'bukan teras' iaitu anggota polis yang mahir dan beruniform perlu dipindahkan daripada kerja-kerja pentadbiran kepada kerja polis yang betul. Orang awam boleh digaji untuk memenuhi fungsi pentadbiran. PDRM tidak memerlukan peningkatan 30% tenaga kerja yang dicadangkan Kementerian Dalam Negeri (mewakili tambahan kira-kira 40,000 pegawai) kerana sejak tahun 2011 Malaysia mempunyai seorang pegawai polis untuk setiap 270 rakyat (1:270). Ini adalah sangat hampir dengan nisbah yang disyorkan INTERPOL iaitu 1:250.
- (b) Kajian semula dan penugasan semula Pasukan Gerakan Am (PGA). Pada masa ini, Inisiatif Omnipresence di bawah NKRA Jenayah sedang dijalankan dengan bantuan RELA dan JPAM. Pakatan Rakyat berpendapat bahawa hanya pihak polis yang berkelayakan dan profesional harus diamanahkan dengan kerja ini. Rizab bukan polis seperti RELA perlu beralih daripada kerja kepolisan atau diberi peluang untuk mendapatkan kelayakan menjadi anggota polis yang mempunyai pengetahuan penuh tentang prosedur dan undang-undang. Dengan jumlah anggota seramai 14,551 orang pada 2010, dan memandangkan pemberontakan komunis bukan lagi ancaman, maka satu kajian perlu dilakukan untuk mengenalpasti sama ada PGA telah berlebihan anggota, bertindih dengan fungsi Angkatan Tentera Malaysia, dan terlalu tertumpu di Semenanjung sedangkan masalah keselamatan yang lebih besar wujud di Malaysia Timur. Memandangkan anggota PGA dilatih sebagai anggota polis, mereka perlu diberi peluang untuk ditugaskan semula bagi menentang jenayah dalam usaha mengurangkan sifat separa-tentera PDRM langsung menumpukan sepenuh perhatian untuk menangani jenayah.
- (c) Meningkatkan secara dramatik keupayaan penyiasatan PDRM. Jabatan Siasatan Jenayah (CID) harus mempunyai nisbah seorang Pegawai Penyiasat (IO) kepada kes sebanyak 1:5, sepertimana yang dinyatakan dalam Laporan Dzaidin. Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 1,000 orang IO lagi. Dengan kadar jenayah rasmi yang nampaknya seperti telah dikurang lapor terdapat kemungkinan lebih ramai IO diperlukan apabila ketelusan data jenayah diperolehi.
- (d) Menyokong penubuhan Suruhanjaya Bebas untuk Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) yang benar-benar bebas dan berkesan yang amat penting untuk menghilangkan keraguan tentang kebertanggungjawaban dan komitmen PDRM terhadap perkhidmatan awam.
- (e) Penubuhan Unit Jenayah Terancang dengan anggota yang secukupnya.

## **Seksyen 6: Menangani Kesesakan Trafik**

Untuk menangani kesesakan lalu lintas khususnya di kawasan bandar, Pakatan Rakyat mencadangkan langkah-langkah yang akan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan bas transit seperti:

- (a) pengangkutan awam percuma untuk golongan tertentu dalam masyarakat khususnya warga emas, pelajar, ibu tunggal dan orang kelainan upaya (OKU) dalam lingkungan tertentu pusat bandaraya atau bandar
- (b) penggunaan bas percuma atau bersubsidi dari kawasan perumahan terpilih ke hab pengangkutan awam dan dari hab pengangkutan awam ini ke tempat kerja

## **Seksyen 7: Menangani Isu Keberhutangan Isi Rumah dan Kebankrapan**

Pada masa ini, nisbah hutang isi rumah Malaysia kepada KDNK berada pada tahap 83%, antara yang tertinggi di rantau ini, berbanding 71.7% pada 2009 dan 39% pada permulaan krisis kewangan Asia 1997. Hutang isi rumah Malaysia telah berkembang pada kadar 11.5% setahun dalam tempoh lima tahun yang lalu, mengatasi pertumbuhan KDNK nominal sebanyak 7.5% secara purata.

Selain daripada langkah-langkah yang dicadangkan untuk menyemak harga rumah yang meningkat, Pakatan Rakyat juga mencadangkan inisiatif berikut untuk menangani isu keberhutangan isi rumah yang tinggi dan kes kebangkrapan yang berleluasa terutamanya di kalangan belia:

- (a) Memperkenalkan matapelajaran celik kewangan wajib di semua peringkat pendidikan untuk memupuk pemahaman yang baik, pengetahuan dan kemahiran ke arah membuat keputusan yang bertanggungjawab dalam isu kewangan dan pengurusan hutang;
- (b) Memperkukuhkan langkah kehematan makro lain oleh Bank Negara Malaysia ke atas institusi kewangan seperti:
  - meningkatkan syarat pendapatan bulanan minimum untuk memiliki kad kredit;
  - had maksima bagi kad kredit yang tidak melebihi peratusan tertentu daripada pendapatan pemegang kad; dan,
  - had maksima bagi pinjaman kenderaan mengikut peratusan daripada jumlah hutang peminjam;
- (c) usaha terancang dan bersepadu di kalangan semua jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk menangani isu pinjaman yang memeras khususnya berkaitan dengan ah long dan lain-lain jenis pemberi pinjaman haram.



## Seksyen 8: Melebarkan Lingkungan Cukai Pendapatan

Di tengah-tengah lonjakan kos sara hidup, golongan berpendapatan sederhana dilihat paling merasai kesannya dan menghadapi situasi ekonomi terburuk kerana mereka tidak layak mendapat bantuan kewangan kerajaan atau pemberian wang tunai seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Bagi meringankan beban golongan ini, Pakatan Rakyat mencadangkan:

- (a) penyusunan semula struktur cukai pendapatan peribadi dengan lingkungan cukai pendapatan semasa yang dicaj amat tirus agar golongan berpendapatan sederhana tidak akan termasuk ke kurungan cukai yang lebih tinggi walaupun peningkatan gaji tidak seberapa; dan/atau,
- (b) pengecualian cukai tertentu dan yang disasarkan untuk golongan berpendapatan sederhana.

<b>TAKSIRAN TAHUN YEAR 2012 – LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI</b>			
<b>Lingkungan Pendapatan Boleh Caj (RM)</b>	<b>Hitungan (RM)</b>	<b>Kadar (%)</b>	<b>Jumlah Cukai (RM)</b>
0 - 2,500	Kali pertama 2,500	0	0
2,501 – 5,000	Berikut 2,500	1	25
5,001 - 10,000	Kali pertama 5,000 Berikut 5,000	3	25 150
10,001 - 20,000	Kali pertama 10,000 Berikut 10,000	3	175 300
20,001 - 35,000	Kali pertama 20,000 Berikut 15,000	7	475 1,050
35,001 - 50,000	Kali pertama 35,000 Berikut 15,000	12	1,525 1,800
50,001 - 70,000	Kali pertama 50,000 Berikut 20,000	19	3,325 3,800
70,001 - 100,000	Kali pertama 70,000 Berikut 30,000	24	7,125 7,200
Melebihi 100,000	Kali pertama 100,000 Berikut.....	26	14,325 .....

<b>CADANGAN LINGKUNGAN CUKAI BARU UNTUK TAKSIRAN TAHUN 2014</b>		
<b>Lingkungan Boleh Caj Semasa (RM)</b>	<b>Kadar (%)</b>	<b>Cadangan Lingkungan Pendapatan Boleh Caj (RM)</b>
0 - 2,500	0	0 - 10,000
2,501 - 5,000	1	10,001 - 25,000
5,001 - 10,000	3	25,001 - 40,000
10,001 - 20,000	3	45,001 - 60,000
20,001 - 35,000	7	60,001 - 80,000
35,001 - 50,000	12	80,001 - 125,000
50,001 - 70,000	19	125,001 - 175,000
70,001 - 100,000	24	175,001 - 250,000
Melebihi 100,000	26	Melebihi 250,000

Adalah diharapkan langkah-langkah ini akan membantu meningkatkan pendapatan boleh guna negara dan mengelakkan rakyat Malaysia dari mencari peluang yang lebih baik di luar negara.

## **TERAS III: MEMASTIKAN PEMBANGUNAN EKONOMI YANG LEBIH SEIMBANG, INKLUSIF DAN MAMPAN**

### **Seksyen 1: Meningkatkan Saling Hubungan bagi Mengecilkan Keterpisahan Luar Bandar-Bandar dan Wilayah**

Pakatan Rakyat amat percaya bahawa peningkatan saling hubungan sama ada domestik dan antarabangsa dalam bentuk Internet atau lebuhraya darat akan memberi sumbangan besar dalam memastikan pertumbuhan yang lebih seimbang, inklusif dan mampan. Saling hubungan yang lemah, secara fizikal atau *online*, dan kekurangan infrastruktur terutamanya di Sabah dan Sarawak menjadi halangan utama kepada rancangan Malaysia untuk mengoptimumkan potensi penuhnya. Lebih banyak usaha kerajaan diperlukan bagi merancang pembangunan sistem dan infrastruktur logistik yang lebih baik untuk menjalin kawasan luar bandar ke pusat-pusat pertumbuhan bandar di negeri yang sama atau wilayah lain serta menghubungkannya ke seluruh negara agar mendapat manfaat ekonomi yang besar seperti mempertingkatkan penyerahan perkhidmatan sosial, mewujudkan iklim perniagaan yang lebih kondusif, menggalakkan inovasi, kreativiti dan penggunaan teknologi baharu, dan menjana peluang pekerjaan.

#### **Sub-Seksyen 1.1: Lebuhraya Pan-Borneo**

Pakatan Rakyat menyarankan agar penyempurnaan pembinaan jalan raya dan penaiktarafan lebuhraya Pan-Borneo yang menghubungkan semua bandar dan bandaraya di Sabah dan Sarawak seperti yang dijanjikan dalam Manifesto Harapan Rakyat disegerakan. Laluan utama sedia ada yang menghubungkan bandar-bandar di Sabah dan Sarawak tidak lagi dapat menampung pembangunan pengangkutan dan ekonomi. Kemerosotan kualiti jalan raya juga sering membawa kemalangan. Keutamaan akan diberikan bagi pemulihan kawasan rosak teruk dan berbahaya sementara lebuhraya dua-hala yang sesuai dan terpelihara dibina. Bersama pemansuhan dasar kabotaj, Pakatan Rakyat melihat ini sebagai rangsangan utama terhadap daya saing ekonomi di Sabah dan Sarawak.

#### **Sub- Seksyen 1.2: Akses Internet Mampu**

Pakatan Rakyat mengakui kepentingan akses Internet kepada pertumbuhan ekonomi dan pengwujudan peluang pekerjaan di negara-negara membangun. Menurut hasil dua kajian, setiap:

- (a) peningkatan 10 mata peratusan bagi sambungan internet berkelajuan tinggi boleh mengangkat pertumbuhan KDNK tambahan sebanyak 1.3 mata

- peratusan (the Global Information & Communications Technology Department of the World Bank/IFC);
- (b) peningkatan sebanyak 10% bilangan orang dalam talian boleh meningkatkan KDNK negara sebanyak 1% manakala menggandakan kelajuan purata jalur lebar di sesebuah negara boleh meningkatkan KDNK dengan tambahan 0.3% (Ericsson) .

Malahan, Bank Dunia telah mengenal pasti "mudah alih sebagai cara yang paling berkesan untuk mencapai dan menyampaikan perkhidmatan awam dan swasta kepada beratus-ratus juta orang di kawasan pedalaman dan luar bandar di seluruh dunia membangun." Oleh itu, adalah hasrat Pakatan Rakyat untuk memberi akses kepada sambungan internet berkelajuan tinggi pada harga yang sangat berpatutan di seluruh negara untuk memberi manfaat kepada isi rumah berpendapatan rendah di kawasan pedalaman dan luar bandar bagi membolehkan pembangunan yang lebih inklusif dan mampan pada semua peringkat dalam ekonomi dan masyarakat. Sebuah ekonomi berkebolehan teknologi lebih bersedia untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan baharu terutamanya bagi belia.

## **Seksyen 2: Meningkatkan Penyertaan Wanita dalam dan Sumbangan kepada Ekonomi**

### **Sub-Seksyen 2.1: Kumpulan Dana Sumbangan Wanita Malaysia**

Dengan peningkatan berterusan bilangan penduduk wanita kepada 13.9 juta pada tahun 2009 berbanding 11.5 juta pada tahun 2000 dan nisbah lelaki-wanita yang hampir setara dalam populasi Malaysia, Pakatan Rakyat yakin wanita akan terus menjadi antara penyumbang utama kepada ekonomi negara. Berdasarkan Laporan RMK-10, penyertaan wanita dalam tenaga buruh meningkat kepada 46.4% pada tahun 2009 daripada 44.7% pada tahun 1995. Wanita bekerja paling ramai dalam kumpulan umur 25-29 tahun dengan mewakili 18.9% daripada keseluruhan tenaga kerja wanita. Walau bagaimanapun, pecahan tersebut menurun kepada 15.1% bagi kumpulan umur 30-34 tahun kerana sebilangan besar daripada kaum wanita cenderung keluar daripada tenaga buruh lebih awal atas sebab-sebab peribadi dan/atau komitmen kepada keluarga.

Sebagai suatu bentuk penghargaan atas sumbangan wanita kepada pembangunan nasional, pembelaan nasib kaum hawa dan galakan agar wanita terus menyumbang kepada ekonomi negara, Pakatan Rakyat bercadang akan mulakan pada tahun 2014 peruntukkan:

- (a) RM1,200 setahun bagi setiap ibu bekerja untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya caj perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di bawah 12 tahun;
- (a) (b) RM3 billion setahun kepada Skim Caruman Wanita Nasional (SCWN), suatu bentuk jaringan keselamatan sosial komprehensif bagi isteri terutamanya suri rumah seperti mana yang digariskan dalam Manifesto Pakatan Harapan Rakyat bagi PRU13.

Untuk melaksanakan skim ini, suami perlu mencarum bagi pihak isteri dengan kadar minimum RM120 sehingga RM1,200 setahun mengikut kemampuan manakala sumbangan kerajaan bernilai RM600 setahun tanpa mengira tahap sumbangan suami. Simpanan yang dicarum dalam SCWN ini boleh dikeluarkan apabila berlaku kematian pasangan, perceraian, hilang upaya kekal, kehilangan kekal pendapatan dan lain-lain. Jika mana-mana insiden ini tidak berlaku, suri rumah boleh mengeluarkan kesemua simpanan mereka pada usia 50 yang dijangka mampu mencecah paling kurang RM30,000.

## **Sub-Seksyen 2.2 : Dasar “Mempertingkatkan Kepimpinan Wanita”**

Seperti yang disebut dalam Manifesto Pakatan Harapan Rakyat bagi PRU13, dasar ini berusaha untuk mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita dalam perkhidmatan awam, pengurusan korporat dan kepimpinan negara dalam kedua-dua sektor awam dan swasta menjelang 2017.

Sebagai langkah seterusnya untuk Agenda Wanita dan selaras dengan prinsip kesaksamaan gender, Pakatan Rakyat berjanji untuk menjuarai undang-undang yang menetapkan bahawa mana-mana jantina menduduki tidak kurang daripada 30% kapasiti keseluruhan organisasi berkuasa dan penggubal dasar. Cadangan reformasi pilihan raya yang dijuarai oleh Pakatan Rakyat juga boleh mempertimbangkan beberapa langkah kuota berkaitan pilihanraya yang khusus seperti mewujudkan senarai pendek semua wanita dan/atau memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada kerusi pilihan raya baharu yang diwujudkan hanya untuk calon wanita secara eksklusif bagi meningkatkan perwakilan wanita dalam mana-mana dewan undangan.

Kerajaan negeri Selangor telah menetapkan standard yang tinggi selaras dengan komitmen buta gender Pakatan Rakyat dengan empat ahli dewan undangan negeri wanita berada dalam barisan EXCO dan seorang menjadi speaker wanita pertama di Malaysia dalam mana-mana dewan undangan.

## **Seksyen 3 : Semakan Semula Dasar Kabotaj untuk Sabah dan Sarawak**

Dalam usaha mengurangkan jurang ekonomi antara Semenanjung Malaysia, dan Sabah dan Sarawak, Pakatan Rakyat menyeru agar liberalisasi menyeluruh dasar kabotaj dilaksanakan untuk membolehkan kapal dari mana-mana negara untuk memunggah dan mengangkut barangan di mana-mana pelabuhan di Sabah dan Sarawak tanpa perlu berlabuh di Pelabuhan Kelang terlebih dahulu. Dasar kabotaj telah dikenal pasti sebagai antara punca utama kos pengangkutan yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak, sekaligus melonjakkan harga barangan dan perkhidmatan bagi pengguna serta kos keseluruhan untuk menjalankan perniagaan. Langkah liberalisasi ini sudah pasti akan membantu menurunkan harga barangan (dan perkhidmatan) untuk dibawa ke dan dari Sabah dan Sarawak di samping menjadi

pemangkin kepada perkhidmatan pelabuhan dan industri berkaitan malah menggalakkan kemunculan kluster pembuatan apabila kos barangan dan perkhidmatan menjadi lebih kompetitif.

## **Seksyen 4 : Memperkukuhkan Polisi Negara bagi Utiliti, Pendidikan, Penjagaan Kesihatan, Tanah dan Alam Sekitar**

### **Sub-Seksyen 4.1: Meningkatkan Akses kepada Utiliti dan Pendidikan di Pedalaman Sabah dan Sarawak, dan Beberapa Bahagian di Semenanjung Malaysia**

#### **Sub- Seksyen 4.1.1 : Ke Arah 100% Bekalan Elektrik dan Air**

Hatta di negeri-negeri maju seperti Selangor, masih terdapat kawasan-kawasan luar bandar dan separuh luar bandar yang tidak mendapat bekalan elektrik dan air bersih yang mencukupi. Komited untuk mengurangkan jurang pembangunan ini di kalangan rakyat, Pakatan Rakyat mencadangkan agar kampung-kampung sama ada dihubungkan ke grid atau dilengkapi dengan tenaga berpusat yang boleh diperbaharui (mana-mana yang lebih kos efektif) di antara mikro-hidro, biomas, angin dan/atau solar. Air boleh dipam dan ditapis dengan sistem kuasa berpusat. Perhatian khusus akan diberi kepada penubuhan grid bekalan elektrik yang boleh diperolehi bagi menggalakkan pembangunan industri di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak khususnya bagi tujuan mewujudkan pekerjaan.

'Ladang' *solar photovoltaic* boleh dibina di atas tanah kosong atau tanah yang tidak digunakan untuk membekalkan elektrik ke grid atau komuniti terpencil. Pakatan Rakyat juga berpendapat turbin angin generasi baru 'berhalaju rendah' perlu diuji sebagai satu tenaga alternatif kos rendah yang berpotensi untuk berjaya di Malaysia. Usaha ini perlu dimulakan dengan mensasarkan negeri-negeri di mana kemiskinan adalah tinggi dan bekalan elektrik tidak mencukupi, seperti Sabah dan Sarawak.

#### **Sub-Seksyen 4.1.2: Meningkatkan Akses kepada Pendidikan di Luar Bandar Malaysia dan di Kalangan Bumiputera Minoriti**

Pencapaian pendidikan di luar bandar Malaysia ketinggalan jauh di belakang kawasan bandar khususnya antara Semenanjung yang semakin dibandarkan, dan Sabah dan Sarawak yang secara relatif bersifat luar bandar. Mengikut kumpulan etnik, Orang Asli dan Orang Asal paling teruk berbanding etnik-etnik lain kerana ramai di kalangan mereka yang gagal untuk mendapatkan sijil lepasan sekolah rendah. Pakatan Rakyat menganjurkan untuk merapatkan jurang ini dengan memberi tumpuan terhadap meningkatkan kejayaan menamatkan sekolah menengah melalui:

- (a) penubuhan sekolah-sekolah yang lebih mudah diakses jauh di pedalaman kawasan luar bandar (yang mungkin melibatkan pembinaan asrama atau infrastruktur penginapan dan pengangkutan);
- (b) galakkan agar lebih ramai guru berasaskan masyarakat setempat diwujudkan, dengan tumpuan kepada latihan bagi penduduk tempatan;
- (c) kerjasama dengan badan-badan pendidikan negeri bagi memastikan agar semua kanak-kanak mendapat keperluan asas untuk mula bersekolah termasuk kasut, pakaian seragam, buku, alat tulis, dan sebagainya menurut jejak langkah Yayasan Sabah;
- (d) pengenalan elaun persekolahan kampung;
- (e) penubuhan dana biasiswa berasaskan keperluan bagi rakyat Sabah, Sarawak dan Orang Asal menurut jejak langkah Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

### **Sub- Seksyen 4.2: Semakan Semula Dasar Pendidikan Kebangsaan**

Berikutan komitmen kami dalam Manifesto Harapan Rakyat, 1,854 Sekolah Janaan Rakyat (sekolah vernakular) di seluruh negara akan menerima bantuan tambahan (selain sumbangan yang sedia ada untuk menampung kos operasi) mengikut bilangan murid, pada RM300 setiap pelajar setiap tahun, yang melibatkan peruntukan sebanyak RM220 juta. Bantuan tambahan ini adalah satu bentuk pelaburan oleh Pakatan Rakyat untuk meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah ini, termasuklah kos penambahan bangunan serta menambahbaik infrastruktur dan kemudahan.

Pendidikan teknik dan vokasional merupakan pemangkin pembangunan negara. Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional seharusnya berupaya menghadapi arus perubahan semasa dan melahirkan tenaga kerja yang berkualiti. Justeru, Pakatan Rakyat mensasarkan lima Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional (3 di Semenanjung Malaysia, 1 di Sabah dan 1 di Sarawak) sebagai 'pilot project' penambahbaikan kelengkapan dan usahasama dengan sektor swasta bagi menawarkan peluang pekerjaan. Sejumlah RM100 juta diperuntukkan dengan RM20 juta bagi setiap sekolah.

Pendidikan percuma di peringkat universiti adalah tanggungjawab kerajaan untuk melahirkan generasi muda yang berilmu, bertanggungjawab, berakhlak dan berwawasan. Hanya generasi muda yang dinamik dan progresif akan berupaya membawa kemajuan kepada bangsa dan negara. Kekal komited dengan pendidikan percuma di peringkat tinggi, sejajar dengan Manifesto Pakatan Harapan Rakyat, maka Pakatan Rakyat bercadang menyediakan peruntukkan keseluruhan sebanyak RM6 bilion setahun untuk mengambil alih hutang PTPTN (RM2 bilion), menampung 10% kos di IPTA (RM600 juta), elaun sara hidup untuk 500,000 pelajar (RM2.5 bilion) dan tabung untuk IPTS (RM900 juta).

Tenaga pengajar juga memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan

pendidikan negara. Kerajaan seharusnya menjamin kualiti dan kebajikan tenaga pengajar agar golongan ini komited kepada profesion mereka. Pakatan Rakyat akan menggunakan dua pendekatan demi mencapai tujuan ini:

- (a) menubuhkan Jawatankuasa Khas 'Teacher Recruitment Unit & Specialist Team' (TRUST) di setiap negeri untuk memilih guru di kalangan 30% terbaik bagi setiap kumpulan. Sejumlah RM10 juta setahun diperuntukkan untuk menyelenggara proses pemilihan ini;
- (b) menyediakan elaun khas perguruan sebanyak RM500 setiap bulan dengan kos keseluruhan RM2.4 bilion setahun.

Untuk meningkatkan kualiti pendidikan di kawasan luar bandar, satu program khas untuk melatih 'guru komuniti' di kalangan orang Asli dan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak akan ditubuhkan. Pakatan Rakyat mencadangkan RM10 juta setahun untuk melaksanakan program ini dengan 10 projek perintis dalam beberapa tahun permulaannya.

Demi meningkatkan standard sistem pendidikan untuk kanak-kanak istimewa, sekolah perdana keperluan khusus akan ditubuhkan. Pakatan Rakyat akan memperuntukkan RM20 juta bagi penubuhan satu sekolah rendah dan satu sekolah menengah tersebut.

### **Sub-Seksyen 4.3: Pencegahan Penyakit Tidak Berjangkit**

Pada tahun 2010, hampir 35,000 rakyat Malaysia meninggal dunia akibat penyakit jantung (punca utama) dan strok (punca kedua) manakala beribu-ribu lagi menjadi kurang upaya akibat komplikasi yang timbul daripada Penyakit Tidak Berjangkit (NCD). Semejak NCD muncul antara ancaman kesihatan terbesar di Malaysia hari ini, Pakatan Rakyat mencadangkan pemeriksaan massa percuma mengesab faktor risiko bagi NCD untuk rakyat Malaysia berumur 35 tahun, diikuti dengan kaunseling bersesuaian dan langkah-langkah susulan. Mengesan penyakit dari awal dan mencegah komplikasi bukan sahaja akan menyelamatkan nyawa tetapi juga dalam jangka panjang, berpotensi besar untuk menyelamatkan banyak wang, masa dan usaha di samping mengelakkan kehilangan insan berbakat terlalu awal.

Faktor-faktor risiko dan diagnosis bagi kebanyakan NCD seperti obesiti, diabetes, tekanan darah tinggi, dan sakit jantung, antara lain, boleh disahkan melalui pemeriksaan mudah: sejarah perubatan, berat badan, darah dan ujian air kencing. Oleh itu, adalah agak mudah dan menjimatkan untuk melakukan pemeriksaan massa bagi golongan yang berisiko. Umur 35 dipilih kerana melalui pemerhatian, sakit jantung, strok dan kegagalan buah pinggang kini menjejaskan lebih ramai orang dalam usia lewat 30-an. Selain itu, kebanyakan kes serangan jantung dan strok berlaku dalam kumpulan umur 45 hingga 65 tahun. Memandangkan ia biasanya mengambil masa kira-kira 10 tahun untuk membentuk komplikasi, maka mengesan dan merawat obesiti, kencing manis, darah tinggi dan sebagainya, dan pemeriksaan pada usia 35 boleh menghalang pembentukan komplikasi tersebut.



Untuk melaksanakan program ini, kira-kira 300,000 rakyat Malaysia yang berusia 35 tahun pada 2014 akan dijemput untuk pemeriksaan di mana-mana pusat kesihatan kerajaan. Langkah ini akan dapat mengenal pasti 45,600 pesakit diabetes atau pesakit diabetes berpotensi (kira-kira 15.2% di Malaysia), hipertensi 60,000 (20%), dan 60,000 individu obes ( 20%). Seterusnya, melalui kaunseling dan perubatan, antara lain, akan menyumbang ke arah pencegahan pembentukan NCD dan komplikasi dalam jangka masa panjang.

Dengan mengandaikan kos sebanyak RM100 setiap orang bagi mendapatkan keputusan pemeriksaan sejarah kesihatan, pemeriksaan tubuh, darah, ujian air kencing serta konsultasi, program ini akan menelan belanja RM30 juta untuk 300,000 individu.

#### **Sub-Seksyen 4.4: Saranan Suhakam bagi Tanah Orang Asli**

Minoriti Bumiputera (bukan Melayu) merupakan antara komuniti rakyat Malaysia yang paling tersisih dan secara purata lebih lemah dari segi persekolahan, perumahan, pendapatan dan kemudahan asas. Segolongan besar dalam kumpulan ini terdiri daripada Orang Asli dan Orang Asal (13.8 % daripada keseluruhan penduduk Malaysia). Disebabkan kebergantungan mereka yang tinggi terhadap tanah untuk kelangsungan hidup dan budaya mereka, pelbagai masalah tanah yang dihadapi oleh masyarakat orang asal Malaysia ini memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan mereka.

Selaras dengan saranan Suhakam hasil Tinjauan Nasional terhadap Hak-hak Tanah Orang Asal yang berakhir baru-baru ini, Pakatan Rakyat mencadangkan peruntukan bajet segera untuk menubuhkan perkara-perkara berikut:

- (a) Satu Suruhanjaya Bebas Kebangsaan mengenai Orang Asal yang akan mengkaji pengiktirafan, promosi dan perlindungan secara efektif hak-hak Orang Asal ke atas tanah dan identiti. Ini akan melibatkan pendekatan tindakan afirmatif yang diikat dengan satu tempoh dan menyeluruh bagi menggalakkan pembangunan dan kesejahteraan Orang Asal, dan merapatkan jurang dengan kumpulan etnik lain dalam masyarakat Malaysia.
- (b) Satu Tribunal Tanah Orang Asal untuk memutuskan sebarang aduan atau tuntutan tanah.
- (c) Satu Ombudsman (badan rasmi yang bebas) sebagai pengantara bagi pertikaian tanah antara dan di kalangan Orang Asal dan komuniti lain. Kejayaan Ombudsman ini akan mengurangkan bebanan mahkamah dan menjadikannya sebagai pilihan terakhir.
- (d) Latihan peningkatan kemampuan bagi semua jabatan berkaitan tanah iaitu Jabatan Tanah dan Ukur (Sabah & Sarawak) dan Jabatan Tanah dan Galian (Semenanjung Malaysia) untuk membolehkan mereka yang terlibat lebih peka dengan Orang Asal dan menghormati hak-hak tanah mereka seperti yang dicadangkan dalam Laporan Suhakam dan selaras dengan norma hak asasi manusia antarabangsa.

(e) Pampasan dan Dana Pemulihan Tanah.

#### **Seksyen 4.5: Dasar Alam Sekitar**

**Perakaunan Sumber Asli (PSA)**, berkait rapat dengan perakaunan ekonomi persekitaran, adalah satu kaedah merekodkan nilai ekonomi sumber asli bagi mengesan pengurangan serta mengukur nilai 'perkhidmatan ekosistem' yang tersedia seperti bagaimana hutan menyediakan perkhidmatan biodiversiti, penyerapan karbon, udara segar dan tadahan air. Akaun persekitaran merangkumi semua, meliputi sumber-sumber serta isu-isu persekitaran, sementara PSA secara umumnya menghuraikan aset tertentu dalam kunci kira-kira negara yang mungkin ada kepentingan tertentu bagi sesebuah negara berbanding yang lain. Menurut Bahagian Perangkaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, air, tenaga, aliran bahan (contohnya pembentukan buangan dan sisa) dan perikanan adalah antara beberapa komponen utama PSA.

Seterusnya dalam contoh hutan, penilaian sumbangannya dalam membekalkan tadahan air dan selanjutnya bekalan air negara adalah rendah hari ini atau lebih tepat lagi, dinilai sebagai sifar. Ini merupakan pengabaian serius dalam perakaunan negara. Adalah lebih sukar bagi kerajaan persekutuan dan negeri serta agensi-agensi mereka untuk membuat keputusan yang tepat dan bertanggungjawab tentang kos peluang tanpa penilaian sumber-sumber seumpama ini.

Pakatan Rakyat mencadangkan EPU, Jabatan Perangkaan dan Jabatan Audit Negara untuk bekerjasama dengan kementerian persekutuan dan unit perancangan ekonomi negeri untuk memasukkan PSA dalam proses perakaunan mereka.

Pakatan Rakyat juga mencadangkan penubuhan **Dana EIA**, dana tertutup kos-sifar yang ditadbir oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di mana para pemaju akan membayar kos untuk menyediakan laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA) berkaitan projek-projek pembangunan mereka. EIA adalah penilaian kesan kemungkinan sesuatu projek yang dicadangkan ke atas persekitaran, merangkumi aspek alam sekitar, sosial dan ekonomi. JAS akan membayar berdaftar perunding kesan alam sekitar berdaftar dengan menggunakan dana ini. Amalan ini akan membantu meningkatkan akauntabiliti dan integriti EIA memandangkan pemaju tidak lagi membayar bagi EIA mereka sendiri secara langsung tetapi bayaran dibuat melalui sebuah badan berkanun dengan kewajipan fidusiari kepada orang ramai.

## **TERAS IV: MEREALISASIKAN POTENSI SEBENAR MALAYSIA DAN MENINGKATKAN DAYA SAING JANGKA PANJANGNYA**

Untuk membolehkan Malaysia beralih dari ekonomi berasaskan komoditi dan pembuatan nilai-rendah menuju ekonomi nilai-tinggi berteraskan pembuatan dan perkhidmatan, Malaysia perlu mempromosikan inovasi, kreativiti, penciptaan nilai dan keusahawanan untuk menyaksikan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada kadar mampan antara 6%-7%.

### **Seksyen 1 : Menggalakkan Inovasi, Kreativiti, Mencipta Nilai dan Keusahawanan**

Pakatan Rakyat mengulangi komitmennya untuk menyediakan persekitaran kondusif dan mengizinkan bagi perniagaan berkembang maju dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelaburan yang kompetitif dan berdaya maju serta mewujudkan sebuah komuniti perniagaan yang bertenaga dengan:

- (a) melaksanakan reformasi ekonomi, struktural, institusi, politik, sosial dan undang-undang sebagai sebahagian daripada agenda reformasi Pakatan Rakyat untuk meningkatkan trend pertumbuhan asas dalam jangka masa panjang dan daya saing Malaysia di samping memastikan ketelusan, akauntabiliti, urus tadbir dan integriti;
- (b) meliberalisasikan lagi ekonomi agar lebih mesra perniagaan tanpa mengenakan kepayahan kepada rakyat khususnya golongan miskin, yang kurang bernasib baik, serta yang terpinggir;
- (c) mentakrif semula campur tangan kerajaan dan merasionalisasikan peranannya dalam bidang perniagaan melalui syarikat berkait kerajaan (GLC), yang menjadi antara punca utama lembapnya kemajuan perusahaan swasta;
- (d) merungkai monopoli/oligopoli/kartel dan mengkaji semula perjanjian konsesi berat sebelah;
- (e) sentiasa mencari jalan untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan di Malaysia melalui penyediaan modal insan yang mencukupi dengan set pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang menyambut keperluan perniagaan kebanyakan industri; tarif harga yang bersesuaian bagi utiliti dan usaha untuk mendigital ekonomi;
- (f) mengkaji semula cukai yang sedia ada dan insentif bukan cukai bagi perniagaan untuk memastikan pemindahan kekayaan yang lebih saksama dan berkesan di samping menggalakkan peningkatan pertumbuhan dan industri mampan bagi pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan;
- (g) mempermudah keseluruhan proses dan prosedur perniagaan untuk mengurangkan birokrasi perniagaan dan menyelaraskan peraturan yang rumit sebagai sebahagian daripada peningkatan penyampaian perkhidmatan oleh sektor awam dan swasta; dan,

- (h) membasmi ketidakcekapan sistemik dan amalan rasuah; budaya rent-seeking dan kronisme.

Dengan komitmen kerajaan persekutuan Pakatan Rakyat ini serta struktur ekonomi baru yang menekankan nilai kerja dan kepentingan produktiviti, sebagai keseimbangan yang adil, perniagaan perlu menyediakannya dengan mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi untuk memenuhi matlamat kami menjadi negara berpendapatan tinggi, negara maju dalam erti kata sebenar dan mencapai pendapatan isi rumah minima RM4,000 dengan melaksanakan dasar gaji minimum dan mengkaji semula dengan sewajarnya struktur gaji kakitangan sedia ada dan pakej pampasan.

## **Seksyen 2: Menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai Tulang Belakang Ekonomi**

Dalam Manifesto Pakatan Rakyat Harapan sewaktu PRU13, terdapat beberapa langkah yang dicadangkan yang akan menyumbang kepada pembangunan PKS khususnya:

- Penubuhan Dana Pelaksanaan Pemudahcara Gaji Minima bernilai RM2 bilion bagi membantu PKS khususnya dalam melaksanakan Dasar Gaji Minima melalui insentif automasi dan geran pelaksanaan gaji minima bagi tempoh tertentu;
- Penubuhan Tabung Inovasi Kebangsaan bernilai RM500 juta untuk mengukuhkan industri hak cipta dan bank idea serta untuk menggalakkan pengkomersialan idea dan ciptaan;
- Dasar baru PKS untuk menyelaraskan dan menggalakkan pembiayaan PKS oleh institusi kewangan serta kajian semula insentif cukai untuk mengalihkan tumpuan bantuan kepada PKS terutama pertubuhan bersaiz mikro kecil dari syarikat kecil daripada syarikat besar sekarang; dan,
- Penubuhan badan 'Keusahawanan Kecil Pesara Tentera' dengan peruntukan permulaan sebanyak RM500 juta untuk membantu penyertaan bekas tentera dalam aktiviti ekonomi.

Pakatan Rakyat terus komited untuk membangunkan lagi industri PKS dengan meneroka idea-idea berikut:

- Menubuhkan koperasi khusus untuk membantu PKS memasarkan produk mereka, berkembang secara organik, meningkatkan pegangan pasaran mereka dan meningkatkan pendapatan mereka;
- Lain-lain bentuk bantuan bagi membantu PKS tampil dengan strategi pemasaran berkesan yang lengkap dengan inisiatif promosi, pengiklanan dan penjenamaan kerana hanya dengan mempamerkan keunikan, kreativiti dan inovasi PKS boleh bersaing dengan jayanya di pasaran terbuka, di dalam dan di luar Negara;
- baucar inovasi awal bernilai di antara RM25,000 dan RM50,000 kepada PKS

- o untuk melaksanakan projek mereka; dan,
- o Meningkatkan mekanisme untuk memastikan penyelarasan dan kerjasama antara PKS dan institusi kewangan selain daripada Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) , Malaysian Industrial Development Finance (MIDF) dan SME Bank.

### **Seksyen 3: Membuka Kunci Potensi Belia - Langkah-langkah Menangani Pengangguran Belia**

Pakatan Rakyat mencadangkan langkah-langkah yang akan meningkatkan peluang dan kebolehpasaran belia dalam kumpulan umur 15-29 untuk mengurangkan ketidaksepadanan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan, dan membantu mereka membuat keputusan lebih baik mengenai masa depan mereka dengan meningkatkan akses kepada maklumat mengenai peluang pekerjaan dan kerjaya masa depan dan memperkenalkan "dual" program latihan dan pengalaman kerja, yang memberi mereka pendedahan kepada dunia kerja:

- (a) menganjurkan program bimbingan kerjaya untuk belia di sekolah, institusi latihan vokasional dan institusi pengajian tinggi lain dengan kerjasama antara majikan masa depan dan penyedia pendidikan;
- (b) menggalakkan semua majikan sektor awam dan swasta untuk menyediakan latihan atau program latihan praktikal/industri seperti "program penyesuaian pelajar" sebagai sebahagian daripada agenda tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk membolehkan belia, ketika masih menuntut:
  - o mendapat pendedahan kepada dunia kerja dan pengalaman; dan,
  - o berkongsi bersama pengetahuan dalam proses pembelajaran dua hala melalui bimbingan dan lain-lain modul latihan kerja.
- (c) menganjur program hari kerjaya (job fair) peringkat kebangsaan dengan lebih kerap untuk memudahkan belia mencari peluang pekerjaan;
- (d) menubuhkan "pusat pekerjaan" di setiap daerah untuk memudahkan penempatan kerja dalam jangka masa panjang;
- (e) menganjurkan bengkel keusahawanan yang dikhaskan untuk belia bagi membangunkan usahawan muda;
- (f) mewujudkan kerjasama yang lebih rapat dengan institusi-institusi kewangan yang khusus seperti SME Bank untuk memberi kredit mikro sebagai modal benih untuk belia memulakan usaha perniagaan yang berdaya maju;
- (g) menawarkan insentif cukai dan bukan cukai kepada PKS / perusahaan-mikro, syarikat-syarikat bersaiz sederhana atau syarikat-syarikat besar untuk mendorong pekerjaan belia dan meningkatkan penyertaan lebih ramai belia dalam tenaga kerja seperti potongan cukai dua kali bagi syarikat yang mengupah belia tempatan dan melatih mereka untuk tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing;
- (h) memulakan suatu perubahan minda di kalangan institusi pendidikan supaya tidak terlalu memberi tumpuan kepada kelayakan kertas tetapi lebih menyediakan pelajar untuk menghadapi realiti yang diperlukan oleh pasaran

- kerja, iaitu kemahiran teknikal yang betul dan sikap yang betul bagi mendapat kerja dalam bidang masing-masing; dan,
- (i) menekankan reformasi pendidikan terutama di peringkat pengajian tinggi untuk menghasilkan graduan yang memenuhi keperluan negara untuk menjustifikasikan pekerjaan bergaji tinggi dan menghentikan eksperimen sistem pendidikan kebangsaan.

RM50 juta diperuntukkan untuk melaksanakan beberapa langkah-langkah pekerjaan belia dengan objektif untuk mengurangkan kadar pengangguran belia kepada kira-kira kadar pengangguran negara sebanyak 3%.